



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 30

Instrumen Kewangan: Pendedahan

November 2015

MPSAS 30 – INSTRUMEN KEWANGAN: PENDEDAHAN

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 30 disediakan berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standard, IPSAS*) 30, *Financial Instruments: Disclosures* daripada *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*, Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants, IFAC*) pada Jun 2013 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements © 2013 terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

No. 1, Persiaran Perdana

Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya.

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88891765

Web: <http://www.anm.gov.my>

MPSAS 30 – INSTRUMEN KEWANGAN: PENDEDAHAN

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif.....	1-2
Skop.....	3-7
Takrif.....	8
Kelas Instrumen Keuangan dan Peringkat Pendedahan.....	9
Keputusan Instrumen Keuangan bagi Kedudukan Keuangan dan Prestasi Keuangan.....	10-37
Penyata Kedudukan Keuangan.....	11-23
Kategori Aset Keuangan dan Liabiliti Keuangan.....	11
Aset Keuangan atau Liabiliti Keuangan pada Nilai Saksama melalui Lebihan Atau Kurangan.....	12-14
Pengelasan Semula.....	15-16
Penyahiktirafan.....	17
Cagaran.....	18-19
Akaun Elaun bagi Kerugian Kredit.....	20
Instrumen Keuangan Kompaun dengan Pelbagai Derivatif Terkandung.....	21
Kemungkinan dan Pelanggaran.....	22-23
Penyata Prestasi Keuangan.....	24
Item Hasil, Belanja, Untung atau Rugi.....	24
Pendedahan Lain.....	25-37
Dasar Perakaunan.....	25
Perakaunan Lindung Nilai.....	26-28
Nilai Saksama.....	29-36
Pinjaman Konsesi.....	37
Jenis dan Tahap Risiko yang Timbul daripada Instrumen Keuangan.....	38-49
Pendedahan Kualitatif.....	40
Pendedahan Kuantitatif.....	41-49
Risiko Kredit.....	43-45
Aset Keuangan yang Sama ada Lampau Tempoh atau Terjejas.....	44
Cagaran dan Peningkatan Kredit Lain yang Diperoleh.....	45
Risiko Kecairan.....	46
Risiko Pasaran.....	47-49
Analisis Sensitiviti.....	47-48
Pendedahan Risiko Pasaran Lain.....	49
Tarikh Kuat kuasa dan Peralihan.....	50-53
Penarikan dan Penggantian IPSAS 15 (2001).....	54
Lampiran A: Panduan Aplikasi Panduan Pelaksanaan Perbandingan dengan IPSAS 30	

MPSAS 30 – Instrumen Kewangan: Pendedahan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 30, *Instrumen Kewangan: Pendedahan* dinyatakan dalam perenggan 1–54. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 30 hendaklah dibaca mengikut konteks objektifnya dan *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini ialah untuk menghendaki entiti memberikan pendedahan dalam penyata kewangannya yang membolehkan pengguna menilai:
 - (a) Kepentingan instrumen kewangan bagi kedudukan dan prestasi kewangan entiti; dan
 - (b) Jenis dan tahap risiko yang terdedah kepada entiti berpunca daripada instrumen kewangan, semasa tempoh tersebut dan pada akhir tempoh pelaporan, dan cara entiti menguruskan risiko tersebut.
2. Prinsip dalam Piawaian ini melengkapkan prinsip bagi mengiktiraf, mengukur dan membentangkan aset kewangan dan liabiliti kewangan dalam MPSAS 28, *Instrumen Kewangan: Pembentangan* dan MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*.

Skop

3. Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti untuk semua jenis instrumen kewangan, melainkan:
 - (a) **Kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu, atau usaha sama yang diakaunkan menurut MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, MPSAS 7, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu*, atau MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama*. Namun, dalam sesetengah kes, MPSAS 6, MPSAS 7, atau MPSAS 8 membenarkan entiti mengakaunkan kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu, atau usaha sama menggunakan MPSAS 29; dalam kes tersebut, entiti hendaklah mengguna pakai keperluan Piawaian ini. Entiti hendaklah juga mengguna pakai Piawaian ini untuk semua derivatif yang ada kaitannya dengan kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu, atau usaha sama kecuali derivatif itu memenuhi takrif instrumen ekuiti dalam MPSAS 28.**
 - (b) **Hak dan obligasi majikan yang timbul daripada pelan manfaat pekerja, yang untuknya MPSAS 25, *Manfaat Pekerja* terpakai.**
 - (c) **Hak dan obligasi yang timbul di bawah kontrak insurans. Namun, Piawaian ini terpakai untuk:**
 - (i) **Derivatif yang terkandung dalam kontrak insurans jika MPSAS 29 menghendaki entiti mengakaunkannya secara berasingan; dan**
 - (ii) **Pemberi kontrak jaminan kewangan jika pemberi mengguna pakai MPSAS 29 dalam mengiktiraf dan mengukur kontrak, tetapi hendaklah mengguna pakai piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan tentang kontrak insurans jika pemberi memilih untuk mengguna pakai piawaian tersebut dalam mengiktiraf dan mengukurnya.**

Selain (i) dan (ii) di atas, entiti boleh mengguna pakai Piawaian ini untuk kontrak insurans yang melibatkan pindahan risiko kewangan.

- (d) Instrumen, kontrak, dan obligasi kewangan di bawah urus niaga pembayaran berasaskan saham yang menggunakan piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan tentang pembayaran berasaskan saham, kecuali bagi kontrak dalam skop perenggan 4 – 6 MPSAS 29, yang menggunakan piawaian tersebut.
 - (e) Instrumen yang perlu dikelaskan sebagai instrumen ekuiti menurut perenggan 15 dan 16 atau perenggan 17 dan 18 MPSAS 28.
4. Piawaian ini terpakai untuk instrumen kewangan yang diiktiraf dan tidak diiktiraf. Instrumen kewangan yang diiktiraf termasuk aset kewangan dan liabiliti kewangan yang berada dalam skop MPSAS 29. Instrumen kewangan yang tidak diiktiraf termasuk sesetengah instrumen kewangan yang, walaupun di luar skop MPSAS 29, berada dalam skop Piawaian ini (seperti sesetengah komitmen pinjaman).
 5. Piawaian ini terpakai untuk kontrak membeli atau menjual item bukan kewangan yang berada dalam skop MPSAS 29 (lihat perenggan 4 - 6 MPSAS 29).
 6. **Piawaian ini terpakai untuk semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*).**
 7. *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

Takrif

8. Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:

Risiko kredit ialah risiko satu pihak kepada instrumen kewangan akan menyebabkan kerugian kewangan kepada pihak yang satu lagi melalui kegagalan melaksanakan obligasi.

Risiko mata wang ialah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan akan turun naik oleh sebab perubahan dalam kadar tukaran asing.

Risiko kadar faedah ialah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan akan turun naik oleh sebab perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Risiko kecairan ialah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran memenuhi obligasi yang berkaitan dengan liabiliti kewangan yang diselesaikan dengan menyerahkan tunai atau aset kewangan lain.

Pinjaman belum bayar ialah liabiliti kewangan, selain perdagangan belum bayar jangka pendek mengikut syarat kredit biasa.

Risiko pasaran ialah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan akan turun naik oleh sebab perubahan dalam harga pasaran. Risiko

pasaran terdiri daripada tiga jenis risiko: risiko mata wang, risiko kadar faedah, dan risiko harga lain.

Risiko harga lain ialah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan akan turun naik oleh sebab perubahan dalam harga pasaran (selain yang timbul daripada risiko kadar faedah atau risiko mata wang), sama ada perubahan tersebut disebabkan oleh faktor yang khusus kepada instrumen kewangan individu atau penerbitnya, atau faktor yang menjejaskan semua instrumen kewangan yang serupa yang diniagakan dalam pasaran.

Aset kewangan adalah **lampau tempoh** apabila pihak berlawanan telah gagal membuat bayaran apabila perlu dibayar mengikut kontrak.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam *Glosari Takrifan Istilah* yang diterbitkan secara berasingan.

Kelas Instrumen Kewangan dan Peringkat Pendedahan

9. Apabila Piawaian ini menghendaki pendedahan mengikut kelas instrumen kewangan, entiti hendaklah mengumpulkan instrumen kewangan mengikut kelas bersesuaian dengan sifat maklumat yang didedahkan dan mengambil kira ciri instrumen kewangan tersebut. Entiti hendaklah menyediakan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan penyesuaian kepada baris item yang dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan.

Kepentingan Instrumen Kewangan bagi Kedudukan Kewangan dan Prestasi Kewangan

10. Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan menilai signifikan instrumen kewangan bagi kedudukan dan prestasi kewangannya.

Penyata Kedudukan Kewangan

Kategori Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan

11. Amaun bawaan bagi setiap kategori berikut, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 29, hendaklah didedahkan sama ada dalam penyata kedudukan kewangan atau dalam nota:
 - (a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan, menunjukkan secara berasingan:
 - (i) yang ditandakan sedemikian berikutan pengiktirafan awal; dan
 - (ii) yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan menurut MPSAS 29;
 - (b) Pelaburan dipegang hingga matang;
 - (c) Pinjaman dan belum terima;

- (d) Aset kewangan sedia dijual;
- (e) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, menunjukkan secara berasingan:
 - (i) yang ditandakan sedemikian berikutan pengiktirafan awal; dan
 - (ii) yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan menurut MPSAS 29; dan
- (f) Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas.

Aset Kewangan atau Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Lebihan Atau Kurangan

12. Jika entiti telah menandakan pinjaman atau belum terima (atau kumpulan pinjaman atau belum terima) pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, ia hendaklah mendedahkan:
- (a) Pendedahan maksimum kepada risiko kredit (lihat perenggan 43(a)) bagi pinjaman atau belum terima (atau kumpulan pinjaman atau belum terima) pada akhir tempoh pelaporan.
 - (b) Amaun yang membolehkan sebarang derivatif kredit yang berkaitan atau instrumen yang serupa mengurangkan pendedahan maksimum kepada risiko kredit tersebut.
 - (c) Amaun perubahan, bagi tempoh tersebut dan secara kumulatif, dalam nilai saksama pinjaman atau belum terima (atau kumpulan pinjaman atau belum terima) yang berkaitan dengan perubahan dalam risiko kredit aset kewangan ditentukan sama ada:
 - (i) Sebagai amaun perubahan dalam nilai saksamanya yang tidak berkaitan dengan perubahan dalam keadaan pasaran yang menimbulkan risiko pasaran; atau
 - (ii) Menggunakan kaedah alternatif yang lebih dipercayai oleh entiti untuk menjelaskan dengan lebih tepat perubahan dalam nilai saksamanya yang berkaitan dengan perubahan dalam risiko kredit aset.
- Perubahan dalam keadaan pasaran yang menimbulkan risiko pasaran termasuk perubahan dalam kadar yang diperhatikan (tanda aras) kadar faedah, harga komoditi, kadar tukaran asing, atau indeks harga atau kadar.
- (d) Amaun perubahan dalam nilai saksama bagi sebarang derivatif kredit yang berkaitan atau instrumen yang serupa yang telah berlaku bagi tempoh tersebut dan secara kumulatif sejak pinjaman atau belum terima ditandakan.
13. Jika entiti telah menandakan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut perenggan 10 MPSAS 29, ia hendaklah mendedahkan:
- (a) Amaun perubahan, semasa tempoh tersebut dan secara terkumpul, dalam nilai saksama liabiliti kewangan yang berkaitan dengan perubahan dalam risiko kredit liabiliti tersebut ditentukan sama ada:

- (i) Sebagai amaun perubahan dalam nilai saksamanya yang tidak berkaitan dengan perubahan dalam keadaan pasaran yang menimbulkan risiko pasaran (lihat Lampiran A, perenggan PA4); atau
- (ii) Menggunakan kaedah alternatif yang dipercayai oleh entiti memaparkan dengan lebih tepat perubahan dalam nilai saksamanya yang berkaitan dengan perubahan dalam risiko kredit liabiliti.

Perubahan dalam keadaan pasaran yang menimbulkan risiko pasaran termasuk perubahan dalam kadar faedah tanda aras, harga instrumen kewangan entiti lain, harga komoditi, kadar pertukaran asing, atau indeks harga atau kadar. Bagi kontrak yang memasukkan ciri penyambungan unit, perubahan dalam keadaan pasaran termasuk perubahan dalam prestasi tabung pelaburan dalaman atau luaran yang berkaitan.

- (b) Perbezaan antara amaun bawaan liabiliti kewangan dengan amaun yang perlu dibayar oleh entiti secara kontrak pada tempoh matang kepada pemegang obligasi.

14. Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Kaedah yang digunakan untuk mematuhi keperluan dalam perenggan 12(c) dan 13(a).
- (b) Jika entiti percaya bahawa pendedahan yang telah diberikan untuk mematuhi keperluan perenggan 12(c) atau 13(a) tidak memaparkan dengan tepat perubahan dalam nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan yang berkaitan dengan perubahan dalam risiko kreditnya, sebab bagi mencapai kesimpulan ini dan faktor yang dipercayai adalah relevan.

Pengelasan Semula

15. Jika entiti telah mengelaskan semula aset kewangan (menurut perenggan 60–63 MPSAS 29) sebagai suatu yang diukur:

- (a) Pada kos atau kos terlunas, dan bukannya pada nilai saksama; atau
- (b) Pada nilai saksama, dan bukannya pada kos atau kos terlunas;

Ia hendaklah mendedahkan amaun yang dikelaskan semula ke dalam dan keluar setiap kategori dan sebab bagi pengelasan semula tersebut.

16. Jika entiti telah mengelaskan semula aset kewangan keluar daripada kategori nilai saksama melalui lebihan atau kurangan menurut perenggan 55 atau 57 MPSAS 29 atau keluar daripada kategori sedia dijual menurut perenggan 58 MPSAS 29, ia hendaklah mendedahkan:

- (a) Amaun yang dikelaskan semula ke dalam dan keluar setiap kategori;
- (b) Bagi setiap tempoh pelaporan hingga penyahiktirafan, amaun bawaan dan nilai saksama semua aset kewangan yang telah dikelaskan semula dalam tempoh pelaporan semasa dan sebelum ini.

- (c) Jika aset kewangan dikelaskan semula menurut perenggan 55 MPSAS 29, keadaan yang jarang berlaku ini, serta fakta dan keadaan yang menunjukkan bahawa keadaan tersebut jarang berlaku;
- (d) Bagi tempoh pelaporan apabila aset kewangan dikelaskan semula, untung atau rugi nilai saksama atas aset kewangan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau dalam aset bersih/ekuiti dalam tempoh pelaporan tersebut atau dalam tempoh pelaporan sebelum ini;
- (e) Bagi setiap tempoh pelaporan berikutan pengelasan semula (termasuk tempoh pelaporan apabila aset kewangan dikelaskan semula) hingga penyahiktirafan aset kewangan, nilai saksama untung atau rugi yang boleh diiktiraf dalam lebihan atau kurangan atau dalam aset bersih/ekuiti jika aset kewangan tidak dikelaskan semula, dan untung, rugi, hasil, dan belanja yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan; dan
- (f) Kadar faedah efektif dan anggaran amaun aliran tunai yang dijangka oleh entiti untuk dipulihkan, pada tarikh pengelasan semula aset kewangan.

Penyahiktirafan

- 17. Entiti mungkin telah memindahkan aset kewangan dengan cara yang menyebabkan bahagian tersebut atau semua aset kewangan tersebut tidak layak untuk penyahiktirafan (lihat perenggan 17–39 MPSAS 29). Entiti hendaklah mendedahkan bagi setiap kelas aset kewangan tersebut:
 - (a) Jenis aset tersebut;
 - (b) Jenis risiko dan ganjaran pemilikan yang kepadanya entiti tetap terdedah;
 - (c) Apabila entiti terus mengiktiraf semua aset, amaun bawaan aset, dan liabiliti yang berkaitan; dan
 - (d) Apabila entiti terus mengiktiraf aset setakat penglibatan berterusannya, jumlah amaun bawaan bagi aset asal, amaun aset yang terus diiktiraf oleh entiti, dan amaun bawaan liabiliti yang berkaitan.

Cagaran

- 18. Entiti hendaklah mendedahkan:
 - (a) Amaun bawaan aset kewangan yang telah disandarkan sebagai cagaran bagi liabiliti atau liabiliti luar jangka, termasuk amaun yang telah dikelaskan semula menurut perenggan 39(a) MPSAS 29; dan
 - (b) Terma dan syarat yang berkaitan dengan sandarannya.
- 19. Apabila entiti memegang cagaran (bagi aset kewangan atau bukan kewangan) dan dibenarkan menjual atau menyandarkan semula cagaran tersebut dengan ketiadaan kemungkiran oleh pemilik cagaran, ia hendaklah mendedahkan:
 - (a) Nilai saksama cagaran yang dipegang;

- (b) Nilai saksama sebarang cagaran tersebut yang dijual atau disandarkan semula, dan sama ada entiti mempunyai obligasi untuk memulangkannya; dan
- (c) Terma dan syarat yang berkaitan dengan penggunaan cagaran tersebut.

Akaun Elaun bagi Kerugian Kredit

20. Apabila aset kewangan terjejas disebabkan kerugian kredit dan entiti merekodkan penjejasan nilai tersebut dalam akaun yang berasingan (contohnya, akaun elaun digunakan untuk merekodkan penjejasan nilai individu atau akaun yang serupa digunakan untuk merekodkan penjejasan nilai kolektif aset) dan bukannya mengurangkan secara langsung amaun bawaan aset, ia hendaklah mendedahkan penyesuaian perubahan dalam akaun tersebut semasa tempoh tersebut bagi setiap kelas aset kewangan.

Instrumen Kewangan Kompaun dengan Pelbagai Derivatif Terkandung

21. Jika entiti telah menerbitkan instrumen yang mengandungi komponen liabiliti dan ekuiti (lihat perenggan 33 MPSAS 28) dan instrumen tersebut mempunyai pelbagai derivatif terkandung dengan nilai yang saling bergantung (seperti instrumen hutang boleh tukar boleh panggil), ia hendaklah mendedahkan kewujudan ciri tersebut.

Kemungkiran dan Pelanggaran

22. Bagi pinjaman belum bayar yang diiktiraf pada akhir tempoh pelaporan, entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) Perincian bagi sebarang kemungkiran semasa tempoh prinsipal, faedah, dana terikat, atau syarat penebusan bagi pinjaman belum bayar tersebut;
 - (b) Amaun bawaan bagi pinjaman belum bayar yang dimungkiri pada akhir tempoh pelaporan; dan
 - (c) Sama ada kemungkiran dipulihkan, atau terma pinjaman belum bayar telah dirunding semula, sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan.
23. Jika, semasa tempoh tersebut, terdapat pelanggaran syarat perjanjian pinjaman selain syarat yang diterangkan dalam perenggan 22, entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang sama seperti yang dikehendaki oleh perenggan 22 jika pelanggaran tersebut membenarkan peminjam menuntut bayaran semula yang dipercepat (kecuali pelanggaran tersebut dipulihkan, atau syarat pinjaman dirunding semula, pada atau sebelum akhir tempoh pelaporan).

Penyata Prestasi Kewangan

Item Hasil, Belanja, Untung, atau Rugi

24. Entiti hendaklah mendedahkan item berikut bagi hasil, belanja, untung, atau rugi sama ada dalam penyata prestasi kewangan atau dalam nota:
- (a) Untung bersih atau rugi bersih ke atas:
 - (i) Aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, dengan menunjukkan secara berasingan item dalam aset kewangan atau liabiliti kewangan yang ditandakan sedemikian berikutan pengiktirafan awal, dan item dalam aset kewangan atau liabiliti kewangan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan menurut MPSAS 29;
 - (ii) Aset kewangan sedia dijual, dengan menunjukkan secara berasingan amaun untung atau rugi yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti semasa tempoh tersebut dan amaun yang dikelaskan semula daripada aset bersih/ekuiti dan diiktiraf secara langsung dalam lebihan atau kurangan bagi tempoh tersebut;
 - (iii) Pelaburan dipegang hingga matang;
 - (iv) Pinjaman dan belum terima; dan
 - (v) Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas;
 - (b) Jumlah hasil faedah dan jumlah belanja faedah (dikira menggunakan kaedah faedah efektif) bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang bukan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan;
 - (c) Hasil dan belanja fi (selain amaun yang dimasukkan untuk menentukan kadar faedah efektif) yang timbul daripada:
 - (i) Aset kewangan atau liabiliti kewangan yang bukannya pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan; dan
 - (ii) Amanah dan aktiviti fidusiari lain yang membawa kepada pemegangan atau pelaburan aset bagi pihak individu, amanah, pelan manfaat persaraan, dan institusi lain;
 - (d) Hasil faedah atas aset kewangan terjejas yang terakru menurut perenggan PA126 MPSAS 29; dan
 - (e) Amaun bagi sebarang kerugian penjejasan nilai bagi setiap kelas aset kewangan.

Pendedahan Lain

Dasar Perakaunan

25. Menurut perenggan 132 MPSAS 1, entiti mendedahkan, dalam ringkasan dasar perakaunan signifikan, asas (atau asas-asas) pengukuran yang digunakan dalam menyediakan penyata kewangan dan dasar perakaunan lain yang digunakan dan relevan bagi memahami penyata kewangan.

Perakaunan Lindung Nilai

26. Entiti hendaklah mendedahkan yang berikut secara berasingan bagi setiap jenis lindung nilai yang diterangkan dalam MPSAS 29 (contohnya, lindung nilai saksama, lindung nilai aliran tunai, dan lindung nilai bagi pelaburan bersih dalam operasi asing):
- (a) Keterangan tentang setiap jenis lindung nilai;
 - (b) Keterangan tentang instrumen kewangan yang ditandakan sebagai instrumen lindung nilai dan nilai saksamanya pada akhir tempoh pelaporan; dan
 - (c) Sifat risiko yang dilindung nilai.
27. Bagi lindung nilai aliran tunai, entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) Tempoh apabila aliran tunai dijangka berlaku dan apabila ia dijangka menjejaskan lebihan atau kurangan;
 - (b) Keterangan tentang sebarang urus niaga ramalan yang menggunakan perakaunan lindung nilai sebelum ini, tetapi tidak dijangka berlaku lagi;
 - (c) Amaun yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti semasa tempoh tersebut;
 - (d) Amaun yang dikelaskan semula daripada aset bersih/ekuiti dan dimasukkan dalam lebihan atau kurangan bagi tempoh tersebut, menunjukkan amaun yang dimasukkan dalam setiap baris item dalam penyata prestasi kewangan; dan
 - (e) Amaun yang dikeluarkan daripada aset bersih/ekuiti semasa tempoh tersebut dan dimasukkan dalam kos awal atau amaun bawaan lain bagi aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan yang pemerolehannya atau penanggungannya ialah urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi yang dilindung nilai.
28. Entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan:
- (a) Dalam nilai saksama lindung nilai, untung atau rugi:
 - (i) Atas instrumen lindung nilai; dan
 - (iii) Atas item dilindung nilai yang berkaitan dengan risiko yang dilindung nilai.

- (b) Ketidakberkesanan yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan yang timbul daripada lindung nilai aliran tunai; dan
- (c) Ketidakberkesanan yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan yang timbul daripada lindung nilai bagi pelaburan bersih dalam operasi asing.

Nilai Saksama

- 29. Kecuali seperti yang dinyatakan dalam perenggan 35 bagi setiap kelas aset kewangan dan liabiliti kewangan (rujuk perenggan 9), entiti hendaklah mendedahkan nilai saksama bagi kelas aset dan liabiliti tersebut dengan cara yang membolehkannya dibandingkan dengan amaun bawaannya.
- 30. Dalam mendedahkan nilai saksama, entiti hendaklah mengumpulkan aset kewangan dan liabiliti kewangan ke dalam kelas, tetapi hendaklah mengofsetkan hanya setakat amaun bawaannya diofset dalam penyata kedudukan kewangan.
- 31. Entiti hendaklah mendedahkan kaedah bagi setiap kelas instrumen kewangan dan, apabila teknik penilaian digunakan, andaian yang diguna pakai dalam menentukan nilai saksama setiap kelas aset kewangan atau liabiliti kewangan. Sebagai contoh, jika berkaitan, entiti mendedahkan maklumat tentang andaian yang berkaitan dengan kadar bayaran terdahulu, kadar anggaran kerugian kredit, dan kadar faedah atau kadar diskaun. Jika terdapat perubahan dalam teknik penilaian, entiti hendaklah mendedahkan perubahan tersebut dan sebab melakukannya.
- 32. Bagi membuat pendedahan seperti yang dikehendaki oleh perenggan 33 entiti hendaklah mengelaskan pengukuran nilai saksama menggunakan hierarki nilai saksama yang menggambarkan kepentingan input yang digunakan dalam membuat pengukuran tersebut. Hierarki nilai saksama hendaklah mempunyai tahap berikut:
 - (a) Harga tersenarai (tidak terlaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa (Tahap 1);
 - (b) Input selain harga tersenarai yang dimasukkan dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (contohnya, sebagai harga) atau secara tak langsung (contohnya, berpunca daripada harga) (Tahap 2); dan
 - (c) Input bagi aset atau liabiliti yang bukan berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input yang tidak dapat diperhatikan) (Tahap 3).

Tahap dalam hierarki nilai saksama yang di dalamnya pengukuran nilai saksama dikategorikan secara keseluruhannya, hendaklah ditentukan pada asas input tahap paling rendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhannya. Bagi tujuan ini, kepentingan input dinilai dengan pengukuran nilai saksama pada keseluruhannya. Jika pengukuran nilai saksama menggunakan input yang boleh diperhatikan yang memerlukan pelarasan signifikan berdasarkan input yang tidak dapat diperhatikan, pengukuran tersebut ialah pengukuran Tahap 3. Menilai kepentingan input tertentu untuk pengukuran nilai saksama pada keseluruhannya memerlukan pertimbangan, mempertimbangkan faktor yang khusus kepada aset atau liabiliti.

33. Bagi pengukuran nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, entiti hendaklah mendedahkan bagi setiap kelas instrumen kewangan:
- (a) Tahap dalam hierarki nilai saksama yang di dalamnya pengukuran nilai saksama dikategorikan secara keseluruhannya, mengasingkan pengukuran nilai saksama menurut tahap yang ditakrifkan dalam perenggan 32.
 - (b) Sebarang pindahan signifikan antara Tahap 1 dengan Tahap 2 hierarki nilai saksama dan sebab bagi pindahan tersebut. Pindahan ke dalam setiap tahap hendaklah didedahkan dan dibincangkan secara berasingan daripada pindahan keluar setiap tahap. Bagi tujuan ini, kepentingan hendaklah dipertimbangkan berhubung dengan lebihan atau kurangan, dan jumlah aset atau jumlah liabiliti.
 - (c) Bagi pengukuran nilai saksama dalam Tahap 3, penyesuaian daripada baki awal kepada baki akhir, mendedahkan secara berasingan perubahan semasa tempoh yang berkaitan dengan yang berikut:
 - (i) Jumlah untung atau rugi bagi tempoh tersebut yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan, dan keterangan tentang kedudukan pembentangannya dalam penyata prestasi kewangan;
 - (ii) Jumlah untung atau rugi yang diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti;
 - (iii) Belian, jualan, terbitan, dan penyelesaian (setiap jenis pergerakan didedahkan secara berasingan); dan
 - (iv) Pindahan ke dalam dan keluar Tahap 3 (contohnya, pindahan yang disebabkan oleh perubahan dalam kebolehpasaran data pasaran) dan sebab bagi pindahan tersebut. Bagi pindahan signifikan, pindahan ke dalam Tahap 3 hendaklah didedahkan dan dibincangkan secara berasingan daripada pindahan keluar Tahap 3.
 - (d) Amaun jumlah untung atau rugi bagi tempoh dalam (c)(i) di atas dimasukkan dalam lebihan atau kurangan yang berkaitan dengan untung atau rugi yang berhubung dengan aset dan liabiliti yang dipegang pada akhir tempoh pelaporan dan keterangan tentang kedudukan pembentangan untung atau rugi tersebut dalam penyata prestasi kewangan.
 - (e) Bagi pengukuran nilai saksama dalam Tahap 3, jika mengubah satu atau lebih input kepada andaian alternatif yang mungkin munasabah akan mengubah nilai saksama dengan signifikan, entiti hendaklah menyatakan fakta tersebut dan mendedahkan kesan perubahan tersebut. Entiti hendaklah mendedahkan kesan daripada satu perubahan andaian alternatif yang mungkin munasabah tersebut dikira. Bagi tujuan ini, kepentingan hendaklah dipertimbangkan berhubung dengan lebihan atau kurangan, dan jumlah aset atau jumlah liabiliti, atau, apabila perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam aset bersih/ekuiti, jumlah ekuiti.

Entiti hendaklah membentangkan pendedahan kuantitatif yang dikehendaki oleh perenggan ini dalam format jadual kecuali format lain adalah lebih sesuai.

34. Jika pasaran bagi instrumen kewangan adalah tidak aktif, entiti menetapkan nilai saksamanya menggunakan teknik penilaian (lihat perenggan PA106–PA112 MPSAS 29). Namun, bukti terbaik bagi nilai saksama pada pengiktirafan awal ialah harga urus niaga (contohnya, nilai saksama pertimbangan yang diberi atau diterima), kecuali syarat yang diterangkan dalam perenggan PA108 MPSAS 29 dipenuhi. Lantaran itu boleh jadi ada perbezaan antara nilai saksama pada pengiktirafan awal dengan amaun yang akan ditentukan pada tarikh tersebut menggunakan teknik penilaian. Jika perbezaan tersebut wujud, entiti hendaklah mendedahkan, mengikut kelas instrumen kewangan:
- (a) Dasar perakaunannya bagi mengiktiraf perbezaan dalam lebihan atau kurangan untuk mencerminkan perubahan dalam faktor (termasuk masa) yang akan dipertimbangkan oleh peserta pasaran dalam menetapkan harga (lihat perenggan PA109 MPSAS 29); dan
 - (b) Perbezaan agregat yang belum diiktiraf dalam lebihan atau kurangan pada awal dan akhir tempoh dan penyesuaian bagi perubahan dalam baki perbezaan ini.
35. Pendedahan nilai saksama tidak dikehendaki:
- (a) Apabila amaun bawaan ialah penganggaran munasabah bagi nilai saksama, sebagai contoh, bagi instrumen kewangan seperti perdagangan belum terima dan perdagangan belum bayar jangka pendek;
 - (b) Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut dalam pasaran yang aktif, atau derivatif yang berkaitan dengan instrumen ekuiti tersebut, yang diukur pada kos menurut MPSAS 29 oleh sebab nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti; dan
 - (c) Bagi kontrak yang mengandungi ciri-ciri penyertaan budi bicara jika nilai saksama ciri-ciri tersebut tidak boleh diukur dengan pasti.
36. Dalam kes yang diterangkan dalam perenggan 35(b) dan (c), entiti hendaklah mendedahkan maklumat untuk membantu pengguna penyata kewangan membuat pertimbangan mereka sendiri tentang tahap perbezaan yang mungkin antara amaun bawaan aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut dengan nilai saksamanya, termasuk:
- (a) Fakta bahawa maklumat nilai saksama tidak didedahkan bagi instrumen ini oleh sebab nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti;
 - (b) Keterangan tentang instrumen kewangan, amaun bawaannya, dan penjelasan tentang kenapa nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti;
 - (c) Maklumat tentang pasaran bagi instrumen;
 - (d) Maklumat sama ada entiti merancang untuk melupuskan instrumen kewangan dan caranya; dan
 - (e) Jika instrumen kewangan yang nilai saksamanya sebelum ini tidak dapat diukur dengan pasti dinyahiktiraf, fakta itu, amaun bawaannya pada masa penyahiktirafan, dan amaun untung atau rugi yang diiktiraf.

Pinjaman Konsesi

37. Pinjaman konsesi diberikan oleh entiti berdasarkan syarat di bawah pasaran. Contoh pinjaman konsesi yang diberikan oleh entiti termasuk pinjaman kepada negara membangun, ladang kecil, pinjaman pelajar yang diberikan kepada pelajar berkelayakan untuk pendidikan universiti atau kolej, dan pinjaman perumahan yang diberikan kepada keluarga berpendapatan rendah. Bagi pinjaman konsesi yang diberikan, entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) Penyesuaian antara amaun bawaan awal dengan akhir bagi pinjaman tersebut, termasuk:
 - (i) Nilai nominal pinjaman baharu yang diberikan semasa tempoh tersebut;
 - (ii) Pelarasan nilai saksama atas pengiktirafan awal;
 - (iii) Pinjaman yang dibayar balik semasa tempoh tersebut;
 - (iv) Kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf;
 - (v) Sebarang peningkatan semasa tempoh tersebut dan amaun terdiskaun yang timbul dari masa lampau; dan
 - (vi) Perubahan lain.
 - (b) Nilai nominal pinjaman pada akhir tempoh;
 - (c) Tujuan dan syarat pelbagai jenis pinjaman; dan
 - (d) Andaian penilaian.

Jenis dan Tahap Risiko yang Timbul daripada Instrumen Kewangan

38. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangannya menilai jenis dan tahap risiko yang berpunca daripada instrumen kewangan yang entiti tersebut terdedah pada akhir tempoh pelaporan.**
39. Pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 40 - 49 tertumpu kepada risiko yang timbul daripada instrumen kewangan dan cara ia telah diuruskan. Risiko ini lazimnya termasuk, tetapi tidak terhad kepada, risiko kredit, risiko kecairan, dan risiko pasaran.

Pendedahan Kualitatif

40. Bagi setiap jenis risiko yang timbul daripada instrumen kewangan, entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) Pendedahan kepada risiko dan bagaimana ia timbul;
 - (b) Objektif, dasar, dan prosesnya bagi menguruskan risiko dan kaedah yang digunakan untuk mengukur risiko; dan
 - (c) Sebarang perubahan dalam (a) atau (b) dari tempoh sebelum ini.

Pendedahan Kuantitatif

41. Bagi setiap jenis risiko yang timbul daripada instrumen kewangan, entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) Ringkasan data kuantitatif tentang pendedahannya kepada risiko tersebut pada akhir tempoh pelaporan. Pendedahan ini hendaklah berdasarkan maklumat yang disediakan secara dalaman untuk personel pengurusan utama entiti (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan*), sebagai contoh, badan pentadbiran atau ketua pegawai eksekutif entiti.
 - (b) Pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 43–49, setakat mana yang tidak diperuntukkan dalam (a), kecuali risiko tersebut tidak material (lihat perenggan 45–47 MPSAS 1 bagi perbincangan tentang kematangan).
 - (c) Tumpuan risiko jika tidak jelas daripada (a) dan (b).
42. Jika data kuantitatif yang didedahkan pada akhir tempoh pelaporan tidak memaparkan pendedahan entiti kepada risiko semasa tempoh tersebut, entiti hendaklah menyediakan maklumat lanjut yang memaparkannya.

Risiko Kredit

43. Entiti hendaklah mendedahkan mengikut kelas instrumen kewangan:
- (a) Amaun terbaik yang memaparkan pendedahan maksimumnya kepada risiko kredit pada akhir tempoh pelaporan tanpa mengambil kira sebarang cagaran yang dipegang atau peningkatan kredit lain (contohnya, perjanjian penyelesaian yang tidak layak untuk ofset menurut MPSAS 28);
 - (b) Berhubung dengan amaun yang didedahkan dalam (a), keterangan tentang cagaran yang dipegang sebagai sandaran dan peningkatan kredit lain;
 - (c) Maklumat tentang kualiti kredit aset kewangan yang tidak lampau tempoh atau terjejas; dan
 - (d) Amaun bawaan aset kewangan yang sebaliknya akan lampau tempoh atau terjejas dengan syaratnya telah dirunding semula.

Aset Kewangan yang sama ada Lampau Tempoh atau Terjejas

44. Entiti hendaklah mendedahkan mengikut kelas aset kewangan:
- (a) Analisis tentang umur aset kewangan yang lampau tempoh pada akhir tempoh pelaporan tetapi tidak terjejas;
 - (b) Analisis aset kewangan yang secara individu ditentukan sebagai terjejas pada akhir tempoh pelaporan, termasuk faktor yang dipertimbangkan oleh entiti dalam menentukan bahawa ia terjejas; dan

- (c) Bagi amaun yang didedahkan dalam (a) dan (b), keterangan tentang cagaran yang dipegang oleh entiti sebagai sandaran dan peningkatan kredit lain dan, kecuali ia tidak dapat dipraktikkan, anggaran nilai saksamanya.

Cagaran dan Peningkatan Kredit Lain yang diperoleh

45. Apabila entiti memperoleh aset kewangan atau bukan kewangan semasa tempoh tersebut dengan merampas cagaran yang dipegang sebagai sandaran atau menggunakan peningkatan kredit lain (contohnya, jaminan), dan aset tersebut memenuhi kriteria pengiktirafan dalam Piawaian lain, entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) Jenis dan amaun bawaan aset yang diperoleh; dan
- (b) Apabila aset tidak sedia untuk ditukar kepada tunai, dasarnya bagi pelupusan aset tersebut atau untuk menggunakannya dalam operasinya.

Risiko Kecairan

46. Entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) Analisis kematangan bagi liabiliti kewangan bukan derivatif (termasuk kontrak jaminan kewangan yang diterbitkan) yang menunjukkan baki kematangan berkontrak.
- (b) Analisis kematangan bagi liabiliti kewangan derivatif. Analisis kematangan hendaklah memasukkan baki kematangan berkontrak untuk liabiliti kewangan derivatif yang kematangan berkontraknya penting bagi memahami pemasaan aliran tunai (lihat perenggan PA14).
- (c) Keterangan tentang cara ia menguruskan risiko kecairan yang wujud dalam (a) dan (b).

Risiko Pasaran

Analisis Sensitiviti

47. Kecuali entiti mematuhi perenggan 48, ia hendaklah mendedahkan:
- (a) Analisis sensitiviti untuk setiap jenis risiko pasaran yang terdedah kepada entiti pada akhir tempoh pelaporan, menunjukkan cara lebih atau kurang dan aset bersih/ekuiti yang akan terjejas disebabkan perubahan dalam pemboleh ubah risiko yang relevan yang mungkin munasabah pada tarikh tersebut;
- (b) Kaedah dan andaian yang digunakan dalam menyediakan analisis sensitiviti; dan
- (c) Perubahan dari tempoh sebelum ini dalam kaedah dan andaian yang digunakan, dan sebab bagi perubahan tersebut.
48. Jika entiti menyediakan analisis sensitiviti, seperti nilai dalam risiko, yang mencerminkan kesalingbergantungan antara pemboleh ubah risiko (contohnya, kadar faedah dan kadar tukaran) dan menggunakannya untuk menguruskan risiko kewangan, ia boleh menggunakan

analisis sensitiviti tersebut bagi menggantikan analisis yang dinyatakan dalam perenggan 47. Entiti hendaklah mendedahkan juga:

- (a) Penjelasan bagi kaedah yang digunakan dalam menyediakan analisis sensitiviti tersebut, dan bagi parameter dan andaian utama yang menjadi sandaran data yang disediakan; dan
- (b) Penjelasan bagi objektif kaedah yang digunakan dan bagi pembatasan yang boleh menyebabkan maklumat tersebut tidak mencerminkan sepenuhnya nilai saksama aset dan liabiliti yang terlibat.

Pendedahan Risiko Pasaran Lain

49. Apabila analisis sensitiviti yang didedahkan menurut perenggan 47 atau 48 tidak memaparkan risiko yang terwujud dalam instrumen kewangan (contohnya, sebab pendedahan akhir tahun tidak mencerminkan pendedahan semasa tahun tersebut), entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan sebab untuk mempercayai analisis sensitiviti tidak memaparkannya.

Tarikh Kuat kuasa dan Peralihan

50. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal digalakkan. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
51. **Entiti tidak boleh mengguna pakai Piawaian ini sebelum 1 Januari 2017, melainkan ia juga mengguna pakai MPSAS 28 dan MPSAS 29.**
52. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini bagi tempoh tahunan bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti tidak perlu membentangkan maklumat perbandingan bagi pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 38–49 tentang jenis dan tahap risiko yang berpunca daripada instrumen kewangan.
53. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akrual seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai untuk penyata kewangan tahunan entiti yang merangkumi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

Penarikan dan Penggantian IPSAS 15 (2001)

54. *Dimansuhkan.*

Panduan Aplikasi (PA)

Lampiran ini ialah bahagian penting MPSAS 30.

Kelas Instrumen Kewangan dan Peringkat Pendedahan (perenggan 9)

- PA1. Perenggan 9 menghendaki entiti mengumpulkan instrumen kewangan ke dalam kelas yang sesuai dengan jenis maklumat yang didedahkan dan yang mengambil kira ciri instrumen kewangan tersebut. Kelas yang diterangkan dalam perenggan 9 ditentukan oleh entiti dan, oleh itu, berbeza daripada kategori instrumen kewangan yang dinyatakan dalam MPSAS 29 (yang menentukan cara instrumen kewangan diukur dan tempat perubahan dalam nilai saksama diiktiraf).
- PA2. Dalam menentukan kelas instrumen kewangan, entiti hendaklah, pada minimumnya:
- (a) Membezakan instrumen yang diukur pada kos terlunas dengan instrumen yang diukur pada nilai saksama.
 - (b) Mengolah instrumen kewangan sebagai kelas atau kelas-kelas yang berasingan bagi yang berada di luar skop Piawaian ini.
- PA3. Entiti memutuskan, berdasarkan keadaannya, sebanyak mana perincian yang diberikan untuk memenuhi keperluan Piawaian ini, sebanyak mana penekanan yang diberikan kepada aspek berlainan keperluan ini dan cara ia mengumpulkan maklumat untuk memberikan gambaran keseluruhan tanpa menggabungkan maklumat dengan ciri berbeza. Adalah perlu untuk mengimbangi antara membebaskan penyata kewangan dengan perincian yang keterlaluan yang mungkin tidak akan membantu pengguna penyata kewangan dengan mengaburkan maklumat penting disebabkan terlalu banyak pengagregatan. Sebagai contoh, entiti tidak sepatutnya mengaburi maklumat penting dengan memasukkan banyak maklumat yang tidak penting. Begitu juga, entiti tidak boleh mendedahkan maklumat yang terlalu terkumpul sehingga ia mengaburi perbezaan penting antara urusan niaga individu atau risiko yang berkaitan.

Kepentingan Instrumen Kewangan bagi Kedudukan Kewangan dan Prestasi Kewangan

Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Kurangan (perenggan 13 dan 14)

- PA4. Jika entiti menandakan liabiliti kewangan pada nilai saksama, perenggan 13(a) menghendakinya mendedahkan amaun perubahan dalam nilai saksama liabiliti kewangan tersebut yang berkaitan dengan perubahan dalam risiko kredit liabiliti itu. Perenggan 13(a)(i) membenarkan entiti menentukan amaun ini sebagai amaun perubahan dalam nilai saksama liabiliti yang tidak berkaitan dengan perubahan dalam keadaan pasaran yang menimbulkan risiko pasaran. Jika satu-satunya perubahan yang relevan dalam keadaan pasaran bagi sesuatu liabiliti ialah perubahan dalam kadar faedah (tanda aras) yang diperhatikan, amaun ini boleh dianggarkan seperti yang berikut:

- (a) Pertama, entiti mengira kadar pulangan dalaman liabiliti pada awal tempoh menggunakan harga pasaran yang diperhatikan bagi liabiliti tersebut dan aliran tunai berkontrak liabiliti tersebut pada awal tempoh. Kadar pulangan dalaman liabiliti pada awal tempoh ditolak dengan kadar faedah (tanda aras) yang diperhatikan pada awal tempoh untuk mendapatkan komponen instrumen spesifik bagi kadar pulangan dalaman.
- (b) Berikutnya, entiti mengira nilai kini aliran tunai yang berkaitan dengan liabiliti dengan menggunakan aliran tunai berkontrak liabiliti tersebut pada akhir tempoh dan kadar diskaun yang bersamaan dengan jumlah
 - (i) Kadar faedah (tanda aras) yang diperhatikan pada akhir tempoh, dan
 - (ii) Komponen instrumen spesifik bagi kadar pulangan dalaman seperti yang ditentukan dalam (a).
- (c) Perbezaan antara harga pasaran yang diperhatikan bagi liabiliti tersebut pada akhir tempoh dengan amaun yang ditentukan dalam (b) ialah perubahan dalam nilai saksama yang tidak berkaitan dengan perubahan dalam kadar faedah (tanda aras) yang diperhatikan. Inilah amaun yang hendaklah didedahkan.

Contoh ini mengandaikan bahawa perubahan dalam nilai saksama yang timbul daripada faktor selain perubahan dalam risiko kredit instrumen tersebut atau perubahan dalam kadar faedah adalah tidak signifikan. Jika instrumen dalam contoh ini mengandungi derivatif terkandung, perubahan dalam nilai saksama tidak dimasukkan dalam menentukan amaun yang akan didedahkan menurut perenggan 13(a).

Pendedahan Lain—Dasar Perakaunan (perenggan 25)

PA5. Perenggan 25 menghendaki pendedahan asas (atau asas-asas) pengukuran yang digunakan dalam menyediakan penyata kewangan dan dasar perakaunan lain yang digunakan yang relevan untuk memahami penyata kewangan. Bagi instrumen kewangan, pendedahan tersebut mungkin termasuk:

- (a) Bagi aset kewangan atau liabiliti kewangan yang ditandakan sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan:
 - (i) Jenis aset kewangan atau liabiliti kewangan yang telah ditandakan oleh entiti sebagai pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan;
 - (ii) Kriteria bagi penandaan aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut pada pengiktirafan awal; dan
 - (iii) Bagaimana entiti telah memenuhi syarat dalam perenggan 10, 13, atau 14 MPSAS 29 bagi penandaan tersebut. Bagi instrumen yang ditandakan menurut perenggan (b)(i) takrif aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan dalam MPSAS 29, pendedahan tersebut termasuk keterangan naratif tentang keadaan yang mendasari ketaktekalan pengukuran atau pengiktirafan yang sebaliknya akan timbul. Bagi instrumen yang ditandakan menurut perenggan (b)(ii) takrif aset kewangan atau liabiliti kewangan pada nilai

saksama melalui lebih atau kurangan dalam MPSAS 29, pendedahan tersebut termasuk keterangan naratif tentang cara penandaan pada nilai saksama melalui lebih atau kurangan adalah konsisten dengan pengurusan risiko atau strategi pelaburan entiti yang didokumenkan.

- (b) Kriteria bagi menandakan aset kewangan sebagai sedia dijual.
- (c) Sama ada jualan atau belian cara biasa bagi aset kewangan diakaunkan pada tarikh perdagangan atau pada tarikh penyelesaian (lihat perenggan 40 MPSAS 29).
- (d) Apabila akaun elaun digunakan untuk mengurangkan amaun bawaan aset kewangan yang terjejas disebabkan kerugian kredit:
 - (i) Kriteria bagi menentukan bila amaun bawaan bagi aset kewangan terjejas dikurangkan secara langsung (atau, dalam kes timbal balik turun nilai, dinaikkan secara langsung) dan bila akaun elaun digunakan; dan
 - (ii) Kriteria bagi menghapus kira amaun yang dicaj kepada akaun elaun dengan amaun bawaan aset kewangan terjejas (lihat perenggan 20).
- (e) Cara untung bersih atau rugi bersih atas setiap kategori instrumen kewangan ditentukan (lihat perenggan 24(a)), sebagai contoh, sama ada untung bersih atau rugi bersih atas item pada nilai saksama melalui lebih atau kurangan termasuk faedah atau hasil daripada dividen atau pengagihan serupa.
- (f) Kriteria yang digunakan oleh entiti untuk menentukan bahawa terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan nilai telah berlaku (lihat perenggan 24(e)).
- (g) Apabila terma aset kewangan yang sebaliknya akan lampau tempoh atau terjejas telah dirunding semula, dasar perakaunan bagi aset kewangan yang tertakluk kepada terma yang dirunding semula (lihat perenggan 43(d)).
- (h) Bagi kontrak jaminan kewangan yang diterbitkan melalui urus niaga bukan pertukaran, apabila nilai saksama tidak dapat ditentukan dan peruntukan diiktiraf menurut MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*, pendedahan keadaan yang menyebabkan peruntukan diiktiraf.

Perenggan 137 MPSAS 1 juga menghendaki entiti mendedahkan, dalam ringkasan dasar perakaunan signifikan atau nota lain, pertimbangan, selain yang melibatkan penganggaran, yang telah dibuat oleh pengurusan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan entiti dan yang mempunyai kesan paling signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

Jenis dan Tahap Risiko yang Timbul daripada Instrumen Kewangan (perenggan 38–49)

PA6. Pendedahan yang dikehendaki oleh perenggan 38–49 hendaklah diberikan sama ada dalam penyata kewangan atau dimasukkan melalui rujukan silang daripada penyata kewangan kepada penyata lain, seperti ulasan pengurusan atau laporan risiko, yang tersedia kepada pengguna penyata kewangan berdasarkan terma dan masa yang sama dengan penyata

kewangan. Maklumat yang dimasukkan tanpa melalui rujukan silang, penyata kewangan adalah tidak lengkap.

Pendedahan Kuantitatif (perenggan 41)

- PA7. Perenggan 41(a) menghendaki pendedahan ringkasan data kuantitatif tentang pendedahan entiti kepada risiko berdasarkan maklumat yang diberikan secara dalaman kepada personel pengurusan utama entiti. Apabila entiti menggunakan beberapa kaedah untuk menguruskan pendedahan risiko, entiti hendaklah mendedahkan maklumat menggunakan kaedah atau kaedah-kaedah yang memberikan maklumat yang paling relevan dan boleh dipercayai. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan* membincangkan kaitan dan kebolehpercayaan.
- PA8. Perenggan 41(c) menghendaki pendedahan tentang tumpuan risiko. Tumpuan risiko timbul daripada instrumen kewangan yang mempunyai ciri yang serupa dan terjejas dengan serupa oleh sebab perubahan dalam keadaan ekonomi atau keadaan lain. Pengenalpastian tumpuan risiko memerlukan pertimbangan yang mengambil kira keadaan entiti. Pendedahan tumpuan risiko hendaklah memasukkan:
- (a) Keterangan bagaimana pengurusan menentukan tumpuan;
 - (b) Keterangan tentang ciri yang dikongsi yang mengenal pasti setiap tumpuan (contohnya, pihak berlawanan, kawasan geografi, mata wang, atau pasaran); dan
 - (c) Amaun pendedahan risiko yang berkaitan dengan semua instrumen kewangan yang berkongsi ciri tersebut.

Pendedahan Risiko Kredit Maksimum (perenggan 43(a))

- PA9. Perenggan 43(a) menghendaki pendedahan amaun terbaik yang memaparkan pendedahan maksimum entiti kepada risiko kredit. Bagi aset kewangan, lazimnya adalah amaun bawaan kasar, yang bersih daripada:
- (a) Sebarang amaun ofset menurut MPSAS 28; dan
 - (b) Sebarang kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf menurut MPSAS 29.
- PA10. Aktiviti yang menimbulkan risiko kredit dan pendedahan maksimum yang berkaitan dengan risiko kredit termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
- (a) Memberi pinjaman dan belum terima kepada pelanggan dan meletakkan deposit dengan entiti lain. Dalam kes begini, pendedahan maksimum kepada risiko kredit ialah amaun bawaan aset kewangan yang berkaitan.
 - (b) Membuat kontrak derivatif (contohnya, kontrak tukaran asing, swap kadar faedah, dan derivatif kredit). Apabila aset yang terhasil diukur pada nilai saksama, pendedahan maksimum kepada risiko kredit pada akhir tempoh pelaporan akan bersamaan amaun bawaan.

- (c) Memberi jaminan kewangan. Dalam kes ini, pendedahan maksimum kepada risiko kredit ialah amaun maksimum yang mungkin perlu dibayar oleh entiti jika jaminan tersebut dipanggil, yang mungkin lebih besar daripada amaun yang diiktiraf sebagai liabiliti.
- (d) Komitmen pinjaman yang telah dibuat tidak boleh dibatalkan sepanjang hayat kemudahan tersebut atau boleh dibatalkan hanya atas sebab perubahan buruk yang material. Jika penerbit tidak boleh menyelesaikan komitmen pinjaman bersih dalam bentuk tunai atau instrumen kewangan lain, pendedahan kredit maksimum ialah amaun penuh komitmen tersebut. Perkara ini disebabkan ketidakpastian sama ada amaun yang belum diambil mungkin akan diambil kira pada masa hadapan. Amaun tersebut mungkin lebih signifikan daripada amaun yang diiktiraf sebagai liabiliti.

Pendedahan Risiko Kecairan Kuantitatif (perenggan 41(a), 46(a) dan 46(b))

PA11. Menurut perenggan 41(a) entiti mendedahkan ringkasan data kuantitatif tentang pendedahannya kepada risiko kecairan pada asas maklumat yang diberikan secara dalaman kepada pengurusan personel utama. Entiti hendaklah menjelaskan tentang cara data tersebut ditentukan. Jika aliran keluar tunai (atau aset kewangan lain) yang dimasukkan ke dalam data tersebut boleh sama ada:

- (a) berlaku lebih awal daripada yang ditunjukkan dalam data dengan signifikan; atau
- (b) untuk amaun yang nyata berbeza daripada yang ditunjukkan dalam data (contohnya, bagi derivatif yang dimasukkan dalam data pada asas penyelesaian bersih tetapi baginya pihak uruslawan mempunyai opsiyen untuk menghendaki penyelesaian kasar); entiti hendaklah menyatakan fakta tersebut dan memberikan maklumat kuantitatif yang membolehkan pengguna penyata kewangannya untuk menilai setakat mana risiko tersebut kecuali maklumat tersebut dimasukkan dalam analisis kematangan berkontrak yang dikehendaki oleh perenggan 46(a) atau (b).

PA12. Dalam menyediakan analisis kematangan yang dikehendaki oleh perenggan 46(a) dan (b), entiti menggunakan pertimbangannya untuk menentukan tempoh masa yang sesuai. Sebagai contoh, entiti mungkin menentukan bahawa tempoh masa berikut adalah sesuai:

- (a) Tidak melebihi satu bulan;
- (b) Melebihi satu bulan dan tidak melebihi tiga bulan;
- (c) Melebihi tiga bulan dan tidak melebihi satu tahun; dan
- (d) Melebihi satu tahun dan tidak melebihi lima tahun.

PA13. Dalam mematuhi perenggan 46(a) dan (b), entiti tidak boleh mengasingkan derivatif terkandung daripada instrumen hibrid (digabungkan). Bagi instrumen tersebut, entiti hendaklah mengguna pakai perenggan 46(a).

PA14. Perenggan 46(b) menghendaki entiti mendedahkan analisis kematangan kuantitatif bagi liabiliti kewangan derivatif yang menunjukkan baki kematangan berkontrak jika kematangan

berkontrak adalah penting bagi memahami pemasaan aliran tunai. Sebagai contoh, ini adalah kesnya bagi:

- (a) Swap kadar faedah dengan baki kematangan lima tahun dalam lindung nilai aliran tunai bagi aset atau liabiliti kewangan kadar berubah.
- (b) Semua komitmen pinjaman.

PA15. Perenggan 46(a) dan (b) menghendaki entiti mendedahkan analisis kematangan bagi liabiliti kewangan yang menunjukkan baki kematangan berkontrak bagi sesetengah liabiliti kewangan. Dalam pendedahan ini:

- (a) Apabila pihak berlawanan mempunyai pilihan bila amaun akan dibayar, liabiliti diperuntukkan kepada tempoh terawal yang entiti dikehendaki untuk membayar. Sebagai contoh, liabiliti kewangan yang entiti dikehendaki untuk membayar balik atas permintaan (contohnya, deposit permintaan) dimasukkan dalam jalur masa terawal.
- (b) Apabila entiti tekal untuk menyediakan amaun secara ansuran, setiap bayaran ansuran diperuntukkan kepada tempoh terawal yang entiti dikehendaki untuk membayar. Sebagai contoh, komitmen pinjaman yang tidak diambil dimasukkan dalam jalur masa yang mengandungi tarikh terawal ia boleh diambil.
- (c) Bagi kontrak jaminan kewangan yang diterbitkan amaun maksimum jaminan diperuntukkan kepada tempoh terawal jaminan boleh dipanggil.

PA16. Amaun berkontrak yang didedahkan dalam analisis kematangan seperti yang dikehendaki oleh perenggan 46(a) dan (b) adalah aliran tunai tak terdiskaun berkontrak, sebagai contoh:

- (a) Obligasi pajakan kewangan kasar (sebelum tolak caj kewangan);
- (b) Harga yang dinyatakan dalam perjanjian hadapan untuk membeli aset kewangan dengan tunai;
- (c) Amaun bersih bagi swap kadar faedah bayar terapung/kadar faedah terima tetap apabila aliran tunai bersih ditukarkan;
- (d) Amaun berkontrak yang akan ditukarkan dalam instrumen kewangan derivatif (contohnya, swap mata wang) apabila aliran tunai kasar ditukarkan; dan
- (e) Komitmen pinjaman kasar.

Aliran tunai tak terdiskaun tersebut berbeza dengan amaun yang dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan kerana amaun dalam penyata tersebut didasarkan kepada aliran tunai terdiskaun. Apabila amaun belum bayar tidak ditetapkan, amaun yang didedahkan ditentukan dengan merujuk kepada keadaan yang wujud pada akhir tempoh pelaporan. Sebagai contoh, apabila amaun belum bayar berubah dengan perubahan dalam indeks, amaun yang didedahkan mungkin berdasarkan tahap indeks pada akhir tempoh tersebut.

PA17. Perenggan 46(c) menghendaki entiti menerangkan tentang cara ia menguruskan risiko kecairan yang terwujud dalam item yang didedahkan dalam pendedahan kuantitatif yang

dikehendaki dalam perenggan 40(a) dan (b). Entiti hendaklah mendedahkan analisis kematangan bagi aset kewangan yang dipegang olehnya untuk menguruskan risiko kecairan (contohnya, aset kewangan yang sedia dijual atau dijangka menjana aliran tunai masuk untuk memenuhi aliran tunai keluar atas liabiliti kewangan), jika maklumat tersebut adalah perlu untuk membolehkan pengguna penyata kewangannya menilai jenis dan tahap risiko kecairan tersebut.

PA18. Faktor lain yang mungkin dipertimbangkan oleh entiti dalam memberikan pendedahan yang diperlukan dalam perenggan 40(c) termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sama ada entiti:

- (a) Mempunyai kemudahan meminjam yang tekal (contohnya, kemudahan kertas komersil) atau sumber kredit lain (contohnya, kemudahan kredit tunggu sedia) yang ia boleh capai untuk memenuhi keperluan kecairan;
- (b) Memegang deposit di bank pusat untuk memenuhi keperluan kecairan;
- (c) Mempunyai pelbagai sumber pembiayaan;
- (d) Mempunyai tumpuan signifikan risiko kecairan sama ada dalam asetnya atau sumber pembiayaannya;
- (e) Mempunyai proses kawalan dalaman dan pelan luar jangka bagi menguruskan risiko kecairan;
- (f) Mempunyai instrumen yang termasuk syarat pembayaran balik dipercepat (contohnya, atas penurunan penarafan kredit entiti);
- (g) Mempunyai instrumen yang mungkin menghendaki penyerahan cagaran (contohnya, panggilan margin bagi derivatif);
- (h) Mempunyai instrumen yang membolehkan entiti memilih sama ada ia menyelesaikan liabiliti kewangannya dengan menyerahkan tunai (atau aset kewangan lain) atau dengan menyerahkan sahamnya sendiri;
- (i) Mempunyai instrumen yang tertakluk kepada perjanjian penyelesaian induk.

Analisis Sensitiviti Risiko Pasaran (perenggan 47 dan 48)

PA19. Perenggan 47(a) menghendaki analisis sensitiviti bagi setiap jenis risiko pasaran apabila sesebuah entiti terdedah. Menurut perenggan PA3, entiti memutuskan cara ia mengumpulkan maklumat untuk memberikan gambaran keseluruhan tanpa menggabungkan maklumat dengan ciri berbeza tentang pendedahan kepada risiko dari persekitaran ekonomi yang berbeza dengan signifikan. Sebagai contoh:

- (a) Entiti yang memperdagangkan instrumen kewangan mungkin mendedahkan maklumat ini secara berasingan bagi instrumen kewangan yang dipegang untuk dagangan dan yang tidak dipegang untuk dagangan.

- (b) Entiti tidak akan mengumpulkan pendedahannya kepada risiko pasaran dari kawasan hiperinflasi dengan pendedahannya kepada risiko pasaran yang sama dari kawasan inflasi yang sangat rendah.

Jika entiti mempunyai pendedahan kepada hanya satu jenis risiko pasaran di hanya satu persekitaran ekonomi, ia tidak akan menunjukkan maklumat berasingan.

PA20. Perenggan 47(a) menghendaki analisis sensitiviti untuk menunjukkan kesan kepada lebih atau kurang dan aset bersih/ekuiti bagi perubahan yang mungkin munasabah dalam pemboleh ubah risiko yang relevan (contohnya, kadar faedah pasaran semasa, kadar mata wang, harga ekuiti, atau harga komoditi). Bagi tujuan ini:

- (a) Entiti tidak dikehendaki menentukan apakah lebih atau kurang bagi tempoh tersebut jika pemboleh ubah risiko yang relevan adalah berbeza. Sebaliknya, entiti mendedahkan kesan ke atas lebih atau kurang dan aset bersih/ekuiti pada akhir tempoh pelaporan dengan andaian bahawa perubahan yang mungkin munasabah telah berlaku dalam pemboleh ubah risiko yang relevan pada akhir tempoh pelaporan dan telah diguna pakai untuk pendedahan risiko yang wujud pada tarikh tersebut. Sebagai contoh, jika entiti mempunyai liabiliti kadar terapung pada akhir tahun, entiti akan mendedahkan kesan ke atas lebih atau kurang (contohnya, belanja faedah) bagi tahun semasa jika kadar faedah telah berubah dengan amaun yang mungkin munasabah.
- (b) Entiti tidak dikehendaki mendedahkan kesan ke atas lebih atau kurang dan aset bersih/ekuiti bagi setiap perubahan dalam julat perubahan yang mungkin munasabah bagi pemboleh ubah risiko yang relevan. Pendedahan kesan perubahan pada had julat yang mungkin munasabah adalah memadai.

PA21. Dalam menentukan apakah perubahan yang mungkin munasabah dalam pemboleh ubah risiko yang relevan, entiti hendaklah mempertimbangkan:

- (a) Persekitaran ekonomi di mana ia dikendalikan. Perubahan yang mungkin munasabah tidak boleh memasukkan senario yang terpencil atau “senario kes paling buruk” atau “ujian tekanan”. Tambahan pula, jika kadar perubahan dalam pemboleh ubah risiko pendasar adalah stabil, entiti tidak perlu mengubah perubahan yang mungkin munasabah yang dipilih dalam pemboleh ubah risiko. Sebagai contoh, andaikan bahawa kadar faedah ialah 5 peratus dan entiti menentukan bahawa turun naik dalam kadar faedah sebanyak ± 50 mata asas adalah mungkin munasabah. Ia akan mendedahkan kesan ke atas lebih atau kurang dan aset bersih/ekuiti jika kadar faedah berubah kepada 4.5 peratus atau 5.5 peratus. Dalam tempoh berikutnya, kadar faedah telah meningkat kepada 5.5 peratus. Entiti terus percaya bahawa kadar faedah mungkin turun naik sebanyak ± 50 mata asas (contohnya, bahawa kadar perubahan dalam kadar faedah adalah stabil). Entiti akan mendedahkan kesan ke atas lebih atau kurang dan aset bersih/ekuiti jika kadar faedah berubah kepada 5 peratus atau 6 peratus. Entiti tidak dikehendaki menyemak penilaiannya bahawa kadar faedah mungkin munasabah turun naik sebanyak ± 50 mata asas, kecuali terdapat bukti bahawa kadar faedah telah menjadi lebih tidak menentu dengan signifikan.
- (b) Sepanjang tempoh masa ketika ia membuat penilaian. Analisis sensitiviti hendaklah menunjukkan kesan perubahan yang dianggap sebagai mungkin munasabah sepanjang

tempoh tersebut sehingga entiti membentangkan pendedahan ini berikutnya, iaitu biasanya pada tempoh pelaporan tahunannya yang berikut.

- PA22. Perenggan 48 membenarkan entiti menggunakan analisis sensitiviti yang mencerminkan kesalingbergantungan antara pemboleh ubah risiko, seperti metodologi nilai dalam risiko, jika ia menggunakan analisis ini untuk menguruskan pendedahannya kepada risiko kewangan. Pernyataan ini terpakai walaupun metodologi tersebut hanya mengukur potensi bagi kerugian dan tidak mengukur potensi untuk keuntungan. Entiti tersebut mungkin mematuhi perenggan 48(a) dengan mendedahkan jenis model nilai dalam risiko yang digunakan (contohnya, sama ada model bergantung pada simulasi Monte Carlo), penjelasan tentang cara model tersebut berfungsi dan andaian utama (contohnya, tempoh pemegangan dan aras keyakinan). Entiti mungkin juga mendedahkan tempoh pemerhatian lampau dan pemberat yang diguna pakai untuk pemerhatian dalam tempoh tersebut, penjelasan tentang cara opsyen diambil kira dalam pengiraan, dan pilihan ketaktentuan dan korelasi (atau, alternatifnya, simulasi taburan kebarangkalian Monte Carlo) yang digunakan.
- PA23. Entiti hendaklah menyediakan analisis sensitiviti bagi seluruh operasinya, tetapi boleh menyediakan jenis analisis sensitiviti yang berbeza bagi kelas instrumen kewangan yang berbeza.

Risiko Kadar Faedah

- PA24. Risiko kadar faedah timbul ke atas instrumen kewangan berfaedah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan (contohnya, pinjaman dan belum terima dan instrumen hutang yang diterbitkan) dan ke atas sesetengah instrumen kewangan yang tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan (contohnya, sesetengah komitmen pinjaman).

Risiko Mata wang

- PA25. Risiko mata wang (atau risiko tukaran asing) timbul ke atas instrumen kewangan yang didenominasikan dalam mata wang asing (contohnya, dalam mata wang selain mata wang fungsian ketika ia diukur). Bagi tujuan Piawaian ini, risiko mata wang tidak timbul daripada instrumen kewangan yang merupakan item bukan monetari atau daripada instrumen kewangan yang didenominasikan dalam mata wang fungsian.
- PA26. Analisis sensitiviti didedahkan bagi setiap mata wang apabila entiti mempunyai pendedahan yang signifikan.

Risiko Harga Lain

- PA27. Risiko harga lain timbul ke atas instrumen kewangan oleh sebab perubahan dalam, sebagai contoh, harga komoditi atau harga ekuiti. Untuk mematuhi perenggan 47, entiti mungkin mendedahkan kesan penurunan dalam indeks pasaran saham yang dinyatakan, harga komoditi, atau pemboleh ubah risiko lain. Sebagai contoh, jika entiti memberi jaminan nilai sisa yang merupakan instrumen kewangan, entiti mendedahkan peningkatan atau penurunan dalam nilai aset apabila jaminan tersebut terpakai.
- PA28. Dua contoh instrumen kewangan yang menimbulkan risiko harga ekuiti ialah (a) pegangan ekuiti dalam entiti lain, dan (b) pelaburan dalam amanah yang seterusnya pula memegang

pelaburan dalam instrumen ekuiti. Contoh lain termasuk kontrak hadapan dan opsi untuk membeli dan menjual kuantiti yang dinyatakan bagi instrumen ekuiti dan swap yang diindekskan pada harga ekuiti. Nilai saksama instrumen kewangan tersebut terjejas akibat perubahan dalam harga pasaran instrumen ekuiti yang mendasarinya.

- PA29. Menurut perenggan 47(a), sensitiviti lebih atau kurang (yang timbul, sebagai contoh, daripada instrumen yang dikelaskan pada nilai saksama melalui lebih atau kurang dan penjejasan nilai aset kewangan yang sedia dijual) didedahkan secara berasingan daripada sensitiviti aset bersih/ekuiti (yang timbul, sebagai contoh, daripada instrumen yang dikelaskan sebagai sedia dijual).
- PA30. Instrumen kewangan yang dikelaskan oleh entiti sebagai instrumen ekuiti yang tidak diukur semula. Lebih atau kurang mahu pun aset bersih/ekuiti akan terjejas akibat risiko harga ekuiti instrumen tersebut. Dengan itu, tiada analisis sensitiviti dikehendaki.

PANDUAN PELAKSANAAN

KANDUNGAN

	Perenggan
Pengenalan.....	PP1–PP4
Kematanan.....	PP3–PP4
Kelas Instrumen Kewangan dan Peringkat Pendedahan.....	PP5–PP6
Kepentingan Instrumen Kewangan bagi Kedudukan Kewangan dan Prestasi Kewangan	PP7–PP16
Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Kurangan	PP7–PP11
Kemungkinan dan Pelanggaran.....	PP12
Jumlah Belanja Faedah.....	PP13
Nilai Saksama.....	PP14–PP16
Jenis dan Tahap Risiko yang Timbul daripada Instrumen Kewangan.....	PP17–PP40
Pendedahan Kualitatif.....	PP17–PP19
Pendedahan Kuantitatif.....	PP20–PP40
Risiko Kredit.....	PP23–PP31
Cagaran dan Peningkatan Kredit Lain yang Disandarkan.....	PP24
Kualiti Kredit.....	PP25–PP27
Aset Kewangan yang sama ada Lampau Tempoh atau Terjejas	PP28–PP31
Risiko Pasaran.....	PP32–PP40
Pendedahan Risiko Pasaran Lain.....	PP37–PP40

Panduan Pelaksanaan (PP)

Panduan ini hanyalah sebagai lampiran, tetapi bukan merupakan sebahagian daripada, MPSAS 30.

Pengenalan

- PP1. Panduan ini mencadangkan cara yang mungkin untuk mengguna pakai beberapa keperluan pendedahan dalam MPSAS 30. Panduan ini tidak membuat keperluan tambahan.
- PP2. Untuk memudahkan, setiap keperluan pendedahan dalam Piawaian ini dibincangkan secara berasingan. Pada praktiknya, pendedahan biasanya dibentangkan sebagai pakej sepadu dan pendedahan individu mungkin memenuhi lebih daripada satu keperluan. Sebagai contoh, maklumat tentang tumpuan risiko mungkin juga menyampaikan maklumat tentang pendedahan kepada risiko kredit atau risiko lain.

Kematanan

- PP3. MPSAS 1 mengambil maklum bahawa keperluan pendedahan khusus dalam MPSAS tidak perlu dipenuhi jika maklumat adalah tidak material. MPSAS 1 mentakrifkan kematanan seperti yang berikut:

Ketinggalan atau salah nyata tentang item adalah material jika ia boleh, secara berasingan atau kolektif, mempengaruhi keputusan atau penilaian yang dibuat berdasarkan penyata kewangan. Kematanan bergantung pada saiz dan jenis ketinggalan atau salah nyata yang dinilai mengikut persekitarannya. Jenis atau saiz item, atau gabungan kedua-duanya, boleh menjadi faktor penentu.

- PP4. MPSAS 1 juga menerangkan takrif tersebut seperti yang berikut:

Dalam menilai sama ada sesuatu ketinggalan atau salah nyata boleh mempengaruhi keputusan pengguna, dan ia menjadi material, memerlukan pertimbangan mengenai ciri-ciri pengguna tersebut. Pengguna diandaikan mempunyai pengetahuan yang memadai tentang sektor awam dan aktiviti ekonomi dan perakaunan serta kesanggupan untuk menyelidiki maklumat dengan ketekunan yang munasabah. Oleh itu, penilaian perlu mengambil kira cara pengguna dengan ciri tersebut boleh dijangka akan dipengaruhi dalam membuat dan menilai keputusan.

Kelas Instrumen Kewangan dan Peringkat Pendedahan (perenggan 9 dan PA1-PA3)

- PP5. Perenggan PA3 menyatakan bahawa “entiti memutuskan, berdasarkan keadaan, sebanyak mana perincian diberikan untuk memenuhi keperluan Piawaian ini, sebanyak mana penekanan diberikan kepada aspek berlainan keperluan Piawaian ini dan bagaimana ia mengumpulkan maklumat untuk memberikan gambaran keseluruhan tanpa menggabungkan maklumat dengan ciri berbeza.” Untuk memenuhi keperluan ini, entiti mungkin tidak perlu mendedahkan semua maklumat yang dicadangkan dalam panduan ini.
- PP6. Perenggan 29(c) MPSAS 1 menghendaki entiti “menyediakan pendedahan tambahan apabila pematuhan kepada keperluan khusus MPSAS tidak mencukupi untuk membolehkan pengguna

memahami kesan daripada urus niaga tertentu, peristiwa lain dan keadaan kedudukan kewangan dan prestasi kewangan entiti.”

Kepentingan Instrumen Kewangan bagi Kedudukan Kewangan dan Prestasi Kewangan (perenggan 10–36, PA4 dan PA5)

Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Kurangan (perenggan 13(a)(i) dan PA4)

- PP7. Contoh berikut menggambarkan pengiraan yang mungkin dilakukan oleh entiti menurut perenggan PA4 Lampiran A bagi Piawaian ini.
- PP8. Pada 1 Januari 20X1, entiti menerbitkan bon 10 tahun dengan nilai par RM150,000¹ dan kadar kupon tetap tahunan sebanyak 8 peratus, yang konsisten dengan kadar pasaran bagi bon dengan ciri serupa.
- PP9. Entiti menggunakan *Kuala Lumpur Interbank Offered Rate* (KLIBOR) sebagai kadar faedah (tanda aras) yang boleh diperhatikan. Pada tarikh asal bon, KLIBOR adalah 5 peratus. Pada akhir tahun pertama:
- (a) KLIBOR menurun kepada 4.75 peratus.
 - (b) Nilai saksama bon ialah RM153,811, konsisten dengan kadar faedah 7.6 peratus.²
- PP10. Entiti mengandaikan bahawa keluk hasil mendatar, semua perubahan dalam kadar faedah adalah disebabkan oleh anjakan selari dalam keluk hasil, dan perubahan dalam KLIBOR merupakan satu-satunya perubahan yang relevan dalam keadaan pasaran.

¹ Dalam panduan ini amaun monetari didenominasikan dalam “unit mata wang (RM).”

² Hal ini mencerminkan perubahan dalam KLIBOR daripada 5 peratus kepada 4.75 peratus dan pergerakan 0.15 peratus apabila, tanpa ketiadaan perubahan relevan yang lain, ia diandaikan mencerminkan perubahan dalam risiko kredit instrumen.

PP11. Entiti menganggar amaun perubahan dalam nilai saksama bon yang tidak berkaitan dengan perubahan dalam keadaan pasaran yang menimbulkan risiko pasaran seperti yang berikut:

<p>[perenggan PA4(a)] Pertama, entiti mengira kadar pulangan dalaman liabiliti pada permulaan tempoh menggunakan harga pasaran yang diperhatikan bagi liabiliti dan aliran tunai berkontrak liabiliti pada permulaan tempoh.</p> <p>Ia ditolak daripada kadar pulangan ini kadar faedah (tanda aras) yang diperhatikan pada permulaan tempoh, untuk tiba kepada komponen instrumen spesifik bagi kadar pulangan dalaman.</p>	<p>Pada permulaan tempoh bagi bon 10 tahun dengan kupon 8 peratus, kadar pulangan dalaman bon ialah 8 peratus.</p> <p>Oleh sebab kadar faedah (tanda aras) yang diperhatikan (KLIBOR) ialah 5 peratus, komponen instrumen spesifik bagi kadar pulangan dalaman ialah 3 peratus.</p>
<p>[perenggan PA4(b)] Berikutnya, entiti mengira nilai kini bagi aliran tunai menggunakan aliran tunai berkontrak liabiliti pada akhir tempoh dan kadar diskaun yang bersamaan dengan jumlah (i) kadar faedah (tanda aras) yang diperhatikan pada akhir tempoh, dan (ii) komponen instrumen spesifik bagi kadar pulangan dalaman seperti yang ditentukan menurut perenggan PA4(a).</p>	<p>Aliran tunai berkontrak bagi instrumen pada akhir tempoh ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Faedah: RM12,000 ^(a) setahun bagi setiap tahun 2–10. • Prinsipal: RM150,000 pada tahun 10. <p>Kadar diskaun yang hendaklah digunakan untuk mengira nilai kini bon ialah 7.75 peratus, iaitu 4.75 peratus kadar KLIBOR akhir tempoh, tambah 3 peratus komponen instrumen spesifik.</p> <p>Ini memberikan nilai kini RM152,367. ^(b)</p>
<p>[perenggan PA4(c)] Perbezaan antara harga pasaran yang diperhatikan bagi liabiliti pada akhir tempoh dengan amaun yang ditentukan menurut perenggan PA4(b) ialah perubahan dalam nilai saksama yang tidak berkaitan dengan perubahan dalam kadar faedah (tanda aras) yang diperhatikan. Ini amaun yang hendak didedahkan.</p>	<p>Harga pasaran bagi liabiliti pada akhir tempoh ialah RM153,811. ^(c)</p> <p>Maka, entiti mendedahkan RM1,444, iaitu RM153,811 – RM152,367, oleh sebab peningkatan dalam nilai saksama bagi bon yang tidak berkaitan dengan keadaan pasaran yang menimbulkan risiko pasaran.</p>
<p>(a) $RM150,000 \times 8\% = RM12,000$</p> <p>(b) $\text{nilai kini} = [RM12,000 \times (1 - (1 + 0.0775)^{-9})/0.0775] + RM150,000 \times (1 + 0.0775)^{-9}$</p> <p>(c) $\text{harga pasaran} = [RM12,000 \times (1 - (1 + 0.076)^{-9})/0.076] + RM150,000 \times (1 + 0.076)^{-9}$</p>	

MPSAS 30 – Instrumen Kewangan: Pendedahan

Kemungkinan dan Pelanggaran (perenggan 22 dan 23)

PP12. Perenggan 22 dan 23 menghendaki pendedahan apabila terdapat sebarang kemungkinan atau pelanggaran pinjaman belum bayar. Sebarang kemungkinan atau pelanggaran boleh menjejaskan pengelasan liabiliti sebagai semasa atau bukan semasa menurut MPSAS 1.

Jumlah Belanja Faedah (perenggan 24(b))

PP13. Jumlah belanja faedah yang didedahkan menurut perenggan 24(b) ialah komponen kos kewangan, dan perenggan 102(b) MPSAS 1 menghendaki ia dibentangkan secara berasingan dalam penyata prestasi kewangan. Butiran bagi kos kewangan mungkin juga termasuk amaun yang berkaitan dengan liabiliti bukan kewangan.

Nilai Saksama (perenggan 31–34)

PP14. MPSAS 30 menghendaki pendedahan tentang tahap dalam hierarki nilai saksama, iaitu pengukuran nilai saksama dikategorikan bagi aset dan liabiliti yang diukur dalam penyata kedudukan kewangan. Format jadual dikehendaki kecuali format lain adalah lebih sesuai. Entiti mungkin mendedahkan yang berikut bagi aset untuk mematuhi perenggan 33(a). (Pendedahan maklumat perbandingan juga dikehendaki, tetapi tidak dimasukkan dalam contoh berikut).

Aset Diukur pada Nilai Saksama	Pengukuran nilai saksama pada akhir tempoh pelaporan menggunakan:			
		Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3
	Dis 31, 20X2	RM juta	RM juta	RM juta
Keterangan				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan				
Sekuriti dagangan	100	40	55	5
Derivatif dagangan	39	17	20	2
Aset kewangan sedia dijual				
Pelaburan ekuiti	75	30	40	5
Jumlah	214	87	115	12
Nota: Bagi liabiliti, jadual yang serupa mungkin boleh dibentangkan.				

PP15. MPSAS 30 menghendaki penyesuaian daripada baki awal hingga baki akhir bagi aset dan liabiliti tersebut yang diukur dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama berdasarkan teknik penilaian apabila sebarang input signifikan bukannya berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (Tahap 3). Format jadual dikehendaki melainkan format lain adalah lebih sesuai. Entiti mungkin mendedahkan yang berikut bagi aset untuk mematuhi perenggan 33(b). (Pendedahan maklumat perbandingan juga dikehendaki, tetapi tidak dimasukkan dalam contoh berikut).

Aset Diukur pada Nilai Saksama Berdasarkan Tahap 3				
	Pengukuran nilai saksama pada akhir tempoh pelaporan			Jumlah
	Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan		Aset kewangan sedia dijual	
	Sekuriti dagangan	Derivatif dagangan	Pelaburan ekuiti	
	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta
Baki awal	6	5	4	15
Jumlah untung atau rugi dalam lebihan atau kurangan	(2)	(2)	-	(4)
dalam aset bersih/ekuiti	-	-	(1)	(1)
Belian	1	2	2	5
Terbitan	-	-	-	-
Penyelesaian	-	(1)	-	(1)
Pindahan keluar Tahap 3	-	(2)	-	(2)
Baki akhir	5	2	5	12
Jumlah untung atau rugi bagi tempoh yang dimasukkan dalam lebihan atau kurangan bagi aset yang dipegang pada akhir tempoh pelaporan	(1)	(1)	-	(2)
(Nota: Bagi liabiliti, jadual yang serupa mungkin dibentangkan.)				
Untung atau rugi yang dimasukkan dalam lebihan atau kurangan bagi tempoh (di atas) dibentangkan dalam hasil seperti yang berikut:				Hasil
Jumlah untung atau rugi yang dimasukkan dalam lebihan atau kurangan bagi tempoh tersebut				(4)
Jumlah untung atau rugi bagi tempoh tersebut dimasukkan dalam lebihan atau kurangan bagi aset yang dipegang pada akhir tempoh pelaporan				(2)
(Nota: Bagi liabiliti, jadual yang serupa mungkin dibentangkan.)				

PP16. Nilai saksama pada pengiktirafan awal instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan menurut perenggan PA108 MPSAS 29. Namun, apabila, selepas pengiktirafan awal, entiti akan menggunakan teknik penilaian yang mengandungi data yang tidak diperolehi daripada pasaran yang boleh diperhatikan, mungkin terdapat perbezaan antara harga urus niaga pada pengiktirafan awal dengan amaun yang ditentukan pada

pengiktirafan awal menggunakan teknik penilaian tersebut. Dalam keadaan ini, perbezaan ini akan diiktiraf dalam lebih atau kurang dalam tempoh berikutnya menurut MPSAS 29 dan dasar perakaunan entiti. Pengiktirafan tersebut mencerminkan perubahan dalam faktor (termasuk masa) yang akan dipertimbangkan oleh peserta pasaran dalam menetapkan harga (lihat perenggan PA108 MPSAS 29). Perenggan 33 menghendaki pendedahan dalam keadaan ini. Entiti mungkin mendedahkan yang berikut untuk mematuhi perenggan 34:

Latar belakang

Pada 1 Januari 20X1 entiti membeli aset kewangan sebanyak RM15 juta yang tidak diniagakan dalam pasaran yang aktif. Entiti hanya mempunyai satu kelas aset kewangan tersebut.

Harga urus niaga RM15 juta ialah nilai saksama pada pengiktirafan awal.

Selepas pengiktirafan awal, entiti akan mengguna pakai teknik penilaian untuk menetapkan nilai saksama aset kewangan. Teknik penilaian ini termasuk pemboleh ubah selain data dari pasaran yang boleh diperhatikan.

Pada pengiktirafan awal, teknik penilaian yang sama boleh menghasilkan amaun RM14 juta, iaitu perbezaannya dengan nilai saksama ialah RM1 juta.

Entiti mempunyai perbezaan sedia ada sebanyak RM5 juta pada 1 Januari 20X1.

Aplikasi Keperluan

Pendedahan 20X2 entiti termasuk yang berikut:

Dasar Perakaunan

Entiti menggunakan teknik penilaian berikut untuk menentukan nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran yang aktif: [keterangan tentang teknik tidak dimasukkan dalam contoh ini]. Perbezaan mungkin timbul antara nilai saksama pada pengiktirafan awal (iaitu, menurut MPSAS 29, pada amnya adalah harga urus niaga) dengan amaun yang ditentukan pada pengiktirafan awal menggunakan teknik penilaian. Sebarang perbezaan tersebut adalah [keterangan tentang dasar perakaunan entiti].

Dalam Nota kepada Penyata Kewangan

Seperti yang dibincangkan dalam nota X, entiti menggunakan [nama teknik penilaian] untuk mengukur nilai saksama instrumen kewangan berikut yang tidak diniagakan dalam pasaran yang aktif. Namun, menurut MPSAS 29, nilai saksama bagi instrumen pada permulaan pada amnya adalah harga urus niaga. Jika harga urus niaga berbeza dengan amaun yang ditentukan pada permulaan menggunakan teknik penilaian, perbezaan tersebut ialah [keterangan tentang dasar perakaunan entiti].

Perbezaan yang belum diiktiraf dalam lebihan atau kurangan adalah seperti yang berikut:		
	Dis 31, X2 RM juta	Dis 31, X1 RM juta
Baki pada awal tahun	5.3	5.0
Urus niaga baharu	-	1.0
Amaun diiktiraf dalam lebihan atau kurangan tahun semasa		
tersebut	(0.7)	(0.8)
Peningkatan lain	-	0.2
Penurunan lain	(0.1)	(0.1)
Baki pada akhir tahun	4.5	5.3

Jenis dan Tahap Risiko yang timbul daripada Instrumen Kewangan (perenggan 38–49 dan PA6–PA30)

Pendedahan Kualitatif (perenggan 40)

PP17. Jenis maklumat kualitatif yang mungkin didedahkan oleh entiti untuk mematuhi keperluan dalam perenggan 40 termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keterangan naratif tentang:

- (a) Pendedahan entiti kepada risiko dan cara ia timbul. Maklumat tentang pendedahan risiko mungkin menerangkan kedua-dua pendedahan kasar dan yang bersih daripada pindahan risiko dan urus niaga pengurangan risiko lain.
- (b) Dasar dan proses entiti bagi menerima, mengukur, memantau, dan mengawal risiko, yang mungkin termasuk:
 - (i) Struktur dan organisasi fungsi pengurusan risiko entiti, termasuk perbincangan tentang kebebasan dan kebertanggungjawaban;
 - (ii) Skop dan jenis pelaporan risiko atau sistem pengukuran entiti;
 - (iii) Dasar entiti bagi lindung nilai atau mengurangkan risiko, termasuk dasar dan prosedurnya bagi mengambil cagaran; dan
 - (iv) Proses entiti bagi memantau keberkesanan berterusan bagi lindung nilai atau kaedah pengurangan tersebut.
- (c) Dasar dan prosedur entiti bagi mengelak tumpuan risiko yang berlebihan.

PP18. Maklumat tentang jenis dan tahap risiko yang timbul daripada instrumen kewangan adalah lebih berguna jika ia menonjolkan sebarang hubungan antara instrumen kewangan yang boleh menjejaskan amaun, pemasaan atau ketidakpastian aliran tunai masa hadapan entiti. Setakat mana pendedahan risiko diubah oleh hubungan tersebut mungkin menjadi jelas kepada

pengguna daripada pendedahan yang dikehendaki oleh Piawaian ini, tetapi dalam sesetengah kes pendedahan lanjut mungkin berguna.

- PP19. Menurut perenggan 40(c), entiti mendedahkan sebarang perubahan dalam maklumat kualitatif dari tempoh sebelum ini dan menjelaskan sebab bagi perubahan tersebut. Perubahan tersebut mungkin terhasil daripada perubahan dalam pendedahan kepada risiko atau daripada perubahan dalam cara pendedahan tersebut diuruskan.

Pendedahan Kuantitatif (perenggan 41–49 dan PA7–PA30)

- PP20. Perenggan 41 menghendaki pendedahan data kuantitatif tentang tumpuan risiko. Sebagai contoh, tumpuan risiko kredit mungkin timbul daripada:

- (a) Sektor industri. Maka, jika pihak berlawanan entiti tertumpu dalam satu atau lebih sektor industri (seperti runcit atau borong), ia akan mendedahkan secara berasingan pendedahan kepada risiko yang timbul daripada setiap tumpuan pihak berlawanan.
- (b) Penarafan kredit atau ukuran kualiti kredit lain. Maka, jika pihak berlawanan entiti tertumpu dalam satu atau lebih kualiti kredit (seperti pinjaman bercagar atau pinjaman tidak bercagar) atau dalam satu atau lebih penarafan kredit (seperti gred pelaburan atau gred spekulatif), ia akan mendedahkan secara berasingan pendedahan kepada risiko yang timbul daripada setiap tumpuan pihak berlawanan.
- (c) Taburan geografi. Maka, jika pihak berlawanan entiti tertumpu dalam satu atau lebih pasaran geografi (seperti Asia atau Eropah), ia akan mendedahkan secara berasingan pendedahan kepada risiko yang timbul daripada setiap tumpuan pihak berlawanan.
- (d) Bilangan terhad pihak berlawanan individu atau kumpulan pihak berlawanan yang berkait rapat.

Prinsip yang serupa terpakai untuk mengenal pasti tumpuan risiko lain, termasuk risiko kecairan dan risiko pasaran. Sebagai contoh, tumpuan risiko kecairan mungkin timbul daripada syarat pembayaran balik liabiliti kewangan, sumber kemudahan pinjaman atau kebergantungan dengan pasaran tertentu untuk merealisasikan aset cair. Tumpuan risiko tukaran asing mungkin timbul jika entiti mempunyai kedudukan terbuka bersih dalam satu mata wang asing, atau kedudukan terbuka bersih agregat dalam beberapa mata wang yang cenderung bergerak bersama.

- PP21. Menurut perenggan PA8, pendedahan tumpuan risiko termasuk keterangan tentang ciri yang dikongsi yang mengenal pasti setiap tumpuan. Sebagai contoh, ciri yang dikongsi mungkin merujuk kepada taburan geografi pihak berlawanan mengikut kumpulan negeri, negeri secara individu atau wilayah dalam negeri.

- PP22. Apabila maklumat kuantitatif pada akhir tempoh pelaporan tidak memaparkan pendedahan entiti kepada risiko semasa tempoh tersebut, perenggan 42 menghendaki pendedahan lanjut. Untuk memenuhi keperluan ini, entiti mungkin mendedahkan amaun tertinggi, terendah, dan purata bagi risiko yang ia terdedah semasa tempoh tersebut. Sebagai contoh, jika entiti secara lazimnya mempunyai pendedahan besar kepada mata wang tertentu, tetapi pada akhir tahun merungkai kedudukan tersebut, entiti mungkin mendedahkan graf yang menunjukkan

pendedahan pada pelbagai masa sepanjang tempoh tersebut, atau mendedahkan pendedahan tertinggi, terendah, dan puratanya.

Risiko Kredit (perenggan 43–45, PA9 dan PA10)

PP23. Perenggan 43 menghendaki entiti mendedahkan maklumat tentang pendedahannya kepada risiko kredit mengikut kelas instrumen kewangan. Instrumen kewangan dalam kelas yang sama berkongsi ciri ekonomi dari segi risiko yang didedahkan (dalam kes ini, risiko kredit). Sebagai contoh, entiti mungkin menentukan bahawa setiap gadai janji kediaman, pinjaman pengguna tidak bercagar, dan pinjaman komersil mempunyai ciri-ciri ekonomi yang berbeza.

Cagaran dan Peningkatan Kredit Lain yang Disandarkan (perenggan 43(b))

PP24. Perenggan 43(b) menghendaki entiti menerangkan cagaran yang tersedia sebagai sandaran bagi aset yang dipegang dan peningkatan kredit lain yang diperolehi. Entiti mungkin memenuhi keperluan ini dengan mendedahkan:

- (a) Dasar dan proses bagi menilai dan menguruskan cagaran dan peningkatan kredit lain yang diperolehi;
- (b) Keterangan tentang jenis cagaran utama dan peningkatan kredit lain (contoh peningkatan kredit lain ialah jaminan, derivatif kredit, dan perjanjian penyelesaian yang tidak layak untuk ofset menurut MPSAS 28);
- (c) Jenis pihak berlawanan utama bagi cagaran dan peningkatan kredit lain dan kepercayaan kredit mereka; dan
- (d) Maklumat tentang tumpuan risiko dalam cagaran atau peningkatan kredit lain.

Kualiti Kredit (perenggan 43(c))

PP25. Perenggan 43(c) menghendaki entiti mendedahkan maklumat tentang kualiti kredit bagi aset kewangan dengan risiko kredit yang tidak lampau tempoh atau terjejas. Dengan berbuat demikian, entiti mungkin mendedahkan maklumat berikut:

- (a) Analisis pendedahan kredit menggunakan sistem penggredan kredit luaran atau dalaman;
- (b) Jenis pihak berlawanan;
- (c) Maklumat lampau tentang kadar kemungkiran pihak berlawanan; dan
- (d) Sebarang maklumat lain yang digunakan untuk menilai kualiti kredit.

PP26. Apabila entiti mempertimbangkan penarafan luaran apabila menguruskan dan memantau kualiti kredit, entiti mungkin mendedahkan maklumat tentang:

- (a) Amaun pendedahan kredit bagi setiap gred kredit luaran;
- (b) Agensi penarafan yang digunakan;

- (c) Amaun pendedahan kredit kadar dan tak berkadar entiti; dan
- (d) Hubungan antara penarafan dalaman dengan luaran.

PP27. Apabila entiti mempertimbangkan penarafan kredit dalaman dalam menguruskan dan memantau kualiti kredit, entiti mungkin mendedahkan maklumat tentang:

- (a) Proses penarafan kredit dalaman;
- (b) Amaun pendedahan kredit bagi setiap gred kredit dalaman; dan
- (c) Hubungan antara penarafan dalaman dengan luaran.

Aset Kewangan yang sama ada Lampau Tempoh atau Terjejas (perenggan 44)

PP28. Aset kewangan lampau tempoh apabila pihak berlawanan gagal membuat bayaran apabila perlu dibayar secara kontrak. Sebagai contoh, entiti memasuki perjanjian peminjaman yang menghendaki faedah dibayar setiap bulan. Pada hari pertama bulan berikutnya, jika faedah belum dibayar, pinjaman tersebut lampau tempoh. Lampau tempoh tidak bermakna pihak berlawanan akan mungkir bayar, tetapi ia boleh mencetus pelbagai tindakan seperti rundingan semula, penguatkuasaan kovenan, atau tindakan undang-undang.

PP29. Apabila terma dan syarat aset kewangan yang telah dikelaskan sebagai lampau tempoh dirunding semula, terma dan syarat aturan berkontrak baharu terpakai dalam menentukan sama ada aset kewangan masih lampau tempoh.

PP30. Perenggan 44(a) menghendaki analisis mengikut kelas tentang umur aset kewangan yang lampau tempoh tetapi tidak terjejas. Entiti menggunakan pertimbangannya untuk menentukan bilangan jalur masa yang sesuai. Sebagai contoh, entiti mungkin menentukan bahawa jalur masa berikut adalah sesuai:

- (a) Tidak melebihi tiga bulan;
- (b) Melebihi tiga bulan dan tidak melebihi enam bulan;
- (c) Melebihi enam bulan dan tidak melebihi satu tahun; dan
- (d) Melebihi satu tahun.

PP31. Perenggan 44(b) menghendaki analisis aset kewangan terjejas mengikut kelas. Analisis ini mungkin termasuk:

- (a) Amaun bawaan, sebelum tolak sebarang kerugian penjejasan nilai;
- (b) Amaun bagi sebarang kerugian penjejasan nilai yang berkaitan; dan
- (c) Jenis dan nilai saksama cagaran yang tersedia dan peningkatan kredit lain yang diperoleh.

Risiko Pasaran (perenggan 47–49 dan PA19–PA30)

PP32. Perenggan 47(a) menghendaki analisis sensitiviti bagi setiap jenis risiko pasaran berkemungkinan entiti terdedah. Terdapat tiga jenis risiko pasaran: risiko kadar faedah, risiko mata wang, dan risiko harga lain. Risiko harga lain mungkin termasuk risiko seperti risiko harga ekuiti, risiko harga komoditi, risiko pembayaran terdahulu (contohnya, risiko bahawa satu pihak kepada aset kewangan akan menanggung kerugian kewangan oleh sebab pihak lain membayar lebih awal atau lebih lewat dari yang dijangkakan), dan risiko nilai sisa (contohnya, pemberi pajak kereta yang menaja jaminan nilai sisa terdedah kepada risiko nilai sisa). Pemboleh ubah risiko yang relevan untuk mendedahkan risiko pasaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Keluk hasil bagi kadar faedah pasaran. Ia mungkin perlu untuk mempertimbangkan kedua-dua anjakan selari dan bukan selari dalam keluk hasil.
- (b) Kadar tukaran asing.
- (c) Harga instrumen ekuiti.
- (d) Harga pasaran komoditi.

PP33. Perenggan 47(a) menghendaki analisis sensitiviti untuk menunjukkan kesan ke atas lebihan atau kekurangan dan aset bersih/ekuiti bagi perubahan mungkin munasabah dalam pemboleh ubah risiko yang relevan. Sebagai contoh, pemboleh ubah risiko yang relevan mungkin termasuk:

- (a) Kadar faedah pasaran semasa, bagi instrumen kewangan sensitif faedah seperti pinjaman kadar berubah; atau
- (b) Kadar mata wang dan kadar faedah, bagi instrumen kewangan mata wang asing seperti bon mata wang asing.

PP34. Bagi risiko kadar faedah, analisis sensitiviti mungkin menunjukkan secara berasingan kesan perubahan dalam kadar faedah pasaran ke atas:

- (a) Hasil dan belanja faedah;
- (b) Butiran lain bagi lebihan atau kekurangan (seperti untung atau rugi dagangan); dan
- (c) Aset bersih/ekuiti jika berkenaan.

Entiti mungkin mendedahkan analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah bagi setiap mata wang apabila entiti mempunyai pendedahan material kepada risiko kadar faedah.

PP35. Oleh sebab faktor yang menjejaskan risiko pasaran berubah bergantung pada keadaan khusus setiap entiti, julat yang sesuai perlu dipertimbangkan dalam menyediakan analisis sensitiviti bagi risiko pasaran berubah bagi setiap entiti dan setiap jenis risiko pasaran.

PP36. Contoh berikut menggambarkan penggunaan keperluan pendedahan dalam perenggan 47(a):

Risiko Kadar Faedah

Pada Disember 31, 20X2, jika kadar faedah pada tarikh tersebut adalah 10 mata asas lebih rendah dengan semua pemboleh ubah lain dibiarkan tetap, lebihan bagi tahun tersebut dijangka RM1.7 juta (20X1—RM2.4 juta) lebih tinggi, yang timbul terutamanya akibat belanja faedah yang lebih rendah atas pinjaman berubah, dan hasil lain dijangka RM2.8 juta (20X1—RM3.2 juta) lebih tinggi, yang timbul terutamanya akibat peningkatan dalam nilai saksama aset kewangan kadar tetap yang dikelaskan sebagai sedia dijual. Jika kadar faedah adalah 10 mata asas lebih tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain dibiarkan tetap, lebihan dijangka RM1.5 juta (20X1—RM2.1 juta) lebih rendah, yang timbul terutamanya akibat belanja faedah yang lebih tinggi atas pinjaman berubah, hasil dijangka RM3.0 juta (20X1—RM3.4 juta) lebih rendah, yang timbul terutamanya akibat penurunan dalam nilai saksama bagi aset kewangan kadar tetap yang dikelaskan sebagai sedia dijual. Lebihan lebih sensitif kepada penurunan kadar faedah daripada peningkatan oleh sebab pinjaman dengan kadar faedah tertinggi. Sensitiviti lebih rendah pada 20X2 berbanding 20X1 oleh sebab pengurangan dalam pinjaman yang belum jelas yang telah berlaku kerana hutang entiti telah matang (lihat nota X).^(a)

Risiko Kadar Tukaran Mata Wang Asing

Pada Disember 31, 20X2, jika RM telah menurun 10 peratus berbanding dolar US dengan semua pemboleh ubah lain dibiarkan tetap, lebihan bagi tahun tersebut dijangka RM2.8 juta (20X1—RM6.4 juta) lebih rendah, hasil dijangka RM1.2 juta (20X1—RM1.1 juta) lebih tinggi. Sebaliknya, jika RM telah meningkat berbanding dolar US dengan semua pemboleh ubah lain dibiarkan tetap, lebihan dijangka RM2.8 juta (20X1—RM6.4 juta) lebih tinggi, hasil dijangka RM1.2 juta (20X1—RM1.1 juta) lebih rendah. Sensitiviti kadar pertukaran mata wang asing yang lebih rendah dalam lebihan pada 20X2 berbanding dengan 20X1 dikaitkan dengan pengurangan dalam hutang didenominasi mata wang asing. Hasil lebih sensitif pada 20X2 berbanding 20X1 oleh sebab penggunaan lindung nilai yang lebih tinggi bagi pembelian mata wang asing, diofset oleh pengurangan dalam hutang mata wang asing.

(a) Perenggan 38(a) menghendaki pendedahan analisis kematangan liabiliti.

Pendedahan Risiko Pasaran Lain (perenggan 49)

PP37. Perenggan 49 menghendaki pendedahan maklumat tambahan apabila analisis sensitiviti tidak memaparkan risiko yang terwujud dalam instrumen kewangan. Sebagai contoh, ini boleh berlaku apabila:

- (a) Instrumen kewangan mengandungi terma dan syarat jika kesannya tidak jelas daripada analisis sensitiviti (contohnya, opsyen yang tetap tanpa wang (atau dengan wang) bagi perubahan yang terpilih dalam pemboleh ubah risiko);
- (b) Aset kewangan tidak cair (contohnya, apabila terdapat jumlah urus niaga yang rendah dalam aset yang serupa dan entiti mendapatinya sukar untuk mencari pihak berlawanan); atau

- (c) Entiti mempunyai pegangan besar bagi sesuatu aset kewangan yang, jika dijual keseluruhannya, akan dijual pada diskaun atau premium kepada harga pasaran disebut bagi pegangan yang lebih kecil.

PP38. Dalam keadaan dalam perenggan PP37(a), pendedahan tambahan mungkin termasuk:

- (a) Terma dan syarat instrumen kewangan (contohnya, opsiyen);
- (b) Kesan ke atas lebihan atau kekurangan jika terma atau syarat dipenuhi (contohnya, jika opsiyen dilaksanakan); dan
- (c) Keterangan tentang cara risiko dilindung nilai.

Sebagai contoh, entiti mungkin memperoleh kolar kadar faedah tanpa kos yang termasuk opsiyen bertulis berkeumpulan tanpa wang (contohnya, entiti membayar sepuluh kali amaun perbezaan antara tingkat kadar faedah yang dinyatakan dengan kadar faedah pasaran semasa). Entiti mungkin menganggap kolar sebagai lindung nilai ekonomi yang tidak mahal bagi peningkatan kadar faedah yang mungkin munasabah. Namun, penurunan besar yang tidak dijangka dalam kadar faedah mungkin mencetus pembayaran di bawah opsiyen bertulis yang, oleh sebab keumpulan tersebut, mungkin lebih besar dengan signifikan daripada manfaat kadar faedah yang lebih rendah. Nilai saksama kolar mahu pun analisis sensitiviti berdasarkan perubahan yang mungkin munasabah dalam pemboleh ubah pasaran tidak akan menunjukkan pendedahan ini. Dalam kes ini, entiti mungkin menyediakan maklumat tambahan yang diterangkan di atas.

PP39. Dalam situasi yang diterangkan dalam perenggan PP38(b), pendedahan tambahan mungkin termasuk sebab bagi kekurangan kecairan dan cara entiti melindungi nilai risiko tersebut.

PP40. Dalam situasi yang diterangkan dalam perenggan PP38(c), pendedahan tambahan mungkin termasuk:

- (a) Jenis sandaran (contohnya, nama entiti);
- (b) Tahap pegangan (contohnya, 15 peratus daripada saham yang diterbitkan);
- (c) Kesan ke atas lebihan atau kekurangan; dan
- (d) Cara entiti melindungi nilai risiko tersebut.

Perbandingan dengan IPSAS 30

MPSAS 30, *Instrumen Kewangan: Pendedahan* disediakan berasaskan IPSAS 30. Perbezaan utama antara MPSAS 30 dengan IPSAS 30 adalah seperti yang berikut:

- Pada perenggan 7, MPSAS 30 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 30 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.
- Perenggan 54 dalam MPSAS 30 dimansuhkan oleh sebab IPSAS 15 tidak diterima pakai di Malaysia.